



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4625]

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18 [Ruangan 4647]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1977 [Ruangan 4651]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1977 [Ruangan 4651]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K.,
P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN,
D.K. (Johor), (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN
MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N.
(Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S.
(Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD.
ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK
ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI,
P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL
GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF,
P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,
J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A.,
P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ
BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K.,
P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN
WING SUM (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M.,
S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF BIN AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Star).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHAMED ALI BIN MOHAMED SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHAMED ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk-Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ TUAN AZAHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHENG THONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHAYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).

- Yang Berhormat TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JAAFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjung Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHAMED TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENKGU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).

- Yang Berhormat TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- " DATUK SYED NAHAR BIN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.J., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- " RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- " TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- " TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- " TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- " TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- " TUAN OO GIN SUN (Alor Setar).
- " TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- " TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- " TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- " TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- " TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- " DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- " TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., (Kangar).
- " DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- " TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- " TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- " TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- " TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- " TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- " WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- " TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- " TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- " PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- " DR TAN CHÉE KHOON (Kepong).
- " TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- " TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- " TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- " TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- " TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- " DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- " TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- " TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- " WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- " TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 4hb November, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkerusikan Mesyuarat*)JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PELABUHAN KELANG—PERKHIDMATAN PENYERAHAN IMPOT

1. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar para pengimpot Malaysia tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh Pelabuhan Kelang, terutama sekali berkaitan dengan masalah kecurian (pilferage) dan juga kelambatan dalam pemberian barang-barang dan jika ya, apakah langkah-langkah yang sedang dirancang atau telah diambil untuk memperbaiki keadaan tersebut.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif): Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian memang menyedari kelemahan-kelemahan dan adanya sungutan-sungutan tidak puas hati berkenaan dengan perkhidmatan penyerahan impot di Pelabuhan Kelang. Bagaimanapun dalam perkara kelambatan penyerahan barang-barang, suka saya menjelaskan bahawa ada beberapa pihak yang mengendalikan urusan-urusan ini dan kemungkinan kelambatan-kelambatan yang berlaku itu bukanlah disebabkan oleh kecuai perkhidmatan Lembaga Pelabuhan Kelang sahaja kerana Lembaga hanya menyerah kepada mereka yang datang hendak menerima kargo-kargo mereka. Lembaga sedia menyerah barang-barang tiap-tiap hari sehingga 11.00 malam.

Walau bagaimanapun untuk menyelaraskan lebih baik lagi berkenaan dengan perkara penyerahan barang, pihak Lembaga Pelabuhan Kelang telahpun mengambil beberapa

langkah yang berkesan. Satu Jawatankuasa bertindak telah ditubuhkan dalam mana segala urusan co-ordinasi telah diatur samada dari segi kemudahan pelabuhan, pemeriksaan oleh Kastam dan juga pengangkutan luar oleh forwarding agent, Jabatan Keretapi dan Kontena Nasional. Jawatankuasa ini bermesyuarat pada tiap-tiap minggu. Keadaan kelambatan ini sedang diperbaiki lagi dari masa ke semasa.

Berkenaan dengan masalah kekurangan barang yang patut diserahkan yang boleh disebabkan oleh kecurian atau barang-barang impot yang sebenarnya tidak diturunkan dari kapal atau oleh kecuai, keadaan ini adalah sentiasa dalam perhatian dan kawalan Lembaga. Mengikut rekod, kecurian yang dipertanggungjawab dan dibayar pada tahun 1974 ialah sebanyak \$125,000 pada tahun 1975 jumlah ini telah kurang sebanyak 20% dan dalam tahun 1976 (hingga September 1976) jumlah kecurian yang dipertanggungjawab dan dibayar adalah hanya \$7,000. Langkah-langkah mengadakan kawalan rondaan dan juga pemeriksaan ketat di pintu keluar telah diperkuatkan berikutan dengan pengambilan 50 orang anggota pasukan keselamatan baru-baru ini.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar masalah-masalah seumpama kecurian dan lain-lain telah timbul bukan baru sekarang tetapi telah lama dialami. Walau bagaimanapun tindakan-tindakan yang disebutkan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan telah diambil tetapi masalah itu tidak boleh dikurangkan. Adakah beliau sedar juga oleh sebab kecurian dan lain-lain masalah kapal-kapal belayar melintas sahaja Pelabuhan Kelang atau dalam bahasa Inggeris, izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, "bypass Pelabuhan Kelang" dan juga syarikat-syarikat insuran pun menaikkan cukai insuran tentang barang-barang yang tiba di Pelabuhan

Kelang. Memandangkan apa yang dikatakan oleh saya, adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar masalah ini terlampau serious jika Kementerian tidak mengambil tindakan yang tegas untuk benar-benar mencegah kecurian dan mengatasi beberapa masalah lain.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sebahagian daripada pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu telah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, hinggakan makin kurang, bayarannya pun yang dibayar sebagai gantirugi daripada \$125,000 diturunkan kepada \$7,000 dan sebagainya. Itu menunjukkan sudah berkuranglah. Tetapi kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menjawab atau menambah lagi, silakan.

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya jelaskan bahawa perkara kecuaiian dan kelemahan-kelemahan ini memang disedari oleh Kementerian dan tindakan-tindakan yang wajar sedang diambil. Tetapi harus diingat oleh Ahli Yang Berhormat itu bahawa kecurian yang dimaksudkan itu bukanlah semuanya harus dipertanggungjawabkan kepada Lembaga Pelabuhan, kerana kemungkinan dalam perjalanan pembawaan barang-barang itu berlaku kehilangan. Kalau kehilangan itu berlaku di pelabuhan, dalam tanggungjawab Lembaga Pelabuhan, itu adalah tanggungjawab Lembaga Pelabuhan. tetapi bukan semua kehilangan berlaku demikian, sebahagian daripadanya ialah kehilangan dalam kapal sebelum barang-barang itu diturunkan atau diterima oleh Lembaga Pelabuhan.

Mengenai apa yang dimaksudkan ada didapati kapal-kapal hanya melintas sahaja Pelabuhan Kelang oleh kerana keadaan ini, saya rasa itu bukanlah satu perkara yang benar, kerana apa yang berlaku ialah oleh sebab bukan kerana kecurian-kecurian tetapi oleh sebab baru-baru ini Lembaga Pelabuhan itu tidak dapat mengendalikan semua kargo-kargo menerusi kapal-kapal kontena akibat kerosakan berlaku di pelabuhan itu.

UMUR TENTERA DARI PEREBET KE PEGAWAI WARAN

2. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Pertahanan menyatakan bahawa:

- (a) samada Kerajaan akan menimbangkan untuk menaikkan had umur tentera dari perebet hingga pegawai waran kepada 45 tahun memandangkan perkhidmatannya perlu kepada negara di samping pengalamannya, dan jika difikirkan bahawa selepas berkhidmat selama 21 tahun mereka tidak dapat menjalankan operasi dalam hutan yang memerlukan tenaga jasmani dan kekuatan usia yang muda, ianya boleh ditugaskan ke yunit-yunit yang tidak memerlukan tenaga penggempur;
- (b) samada pengambilan short service commission akan disemak semula dan dijadikan full service commission; dan
- (c) samada Kerajaan akan membantu pelajaran anak-anak anggota tentera yang terkorban sehingga tamat pelajaran menengah sekurang-kurangnya di samping menaikkan bayaran saguhati dari \$10,000 kepada \$20,000 kepada balu anggota tentera dari Tabung Amanah Angkatan Tentera dengan bantuan dari firma-firma yang mendapat taraf perintis.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Mengikut peraturan-peraturan yang berkuatkuasa sekarang, anggota lain-lain pangkat boleh berkhidmat selama 21 tahun atau sehingga meningkat had umur 45 tahun, mana satu yang awal. Jikalau seseorang anggota lain-lain pangkat yang telahpun menamatkan perkhidmatan selama 21 tahun masih belum meningkat 45 tahun, beliau bolehlah memohon untuk meneruskan perkhidmatannya sehingga ke had umur 45 tahun, tertakluk kepada kebolehan-nya.
- (b) Kementerian Pertahanan tidak ber-cadang untuk menjadikan semua Tauliah-auliah Jangka Pendek sebagai Tauliah-auliah Tetap.

Pada masa ini semua pegawai kedet adalah menjalani latihan permulaan selama 4 bulan di Yunit Latihan

Awalan Pegawai-pegawai Kedet di Sebatang Karah. Selepas tamat latihan 4 bulan ini, beberapa pegawai-pegawai kedet dipilih untuk menjalani latihan selama dua tahun lagi di dalam atau di luar negeri dan diberi tauliah tetap selepas tamat latihan itu. Yang lain-lainnya akan meneruskan latihan mereka bagi tempoh 6 bulan lagi di Maktab Tentera Di Raja dan mereka ini diberi Tauliah Jangka Pendek.

Pegawai-pegawai yang diberi Tauliah Jangka Pendek yang telahpun berkhidmat sekurang-kurangnya selama 5 tahun bolehlah memohon untuk mendapat Tauliah Tetap, jikalau mereka:

- (i) Telah lulus peperiksaan-peperiksaan yang ditetapkan;
 - (ii) Sihat tubuh badan seperti yang diperlukan untuk pasukan/perkhidmatan yang mereka bertujuan masuk; serta
 - (iii) mendapat sokongan Pegawai Pemerintah mereka.
- (c) (i) Tuan Yang di-Pertua, mengikut peraturan-peraturan yang berkuatkuasa sekarang, anak-anak anggota Angkatan Tentera yang terkorban semasa menjalankan tugas diberi bantuan pelajaran oleh Kerajaan bagi melanjutkan pelajaran mereka sehingga ke peringkat universiti. Syarat-syarat berkaitan dengan perkara ini adalah termasuk dalam Peraturan-peraturan Angkatan Tentera yang berkuatkuasa sekarang.

Jika tidak mendapat bantuan pelajaran dari Kerajaan, balu anggota tentera yang terkorban semasa menjalankan tugas boleh mendapat bantuan persekolahan bagi anak-anaknya daripada Tabung Amanah Kebajikan Perwira Negara. Kadar bantuan persekolahannya yang diberi daripada Tabung ini adalah di antara \$75 setahun bagi Darjah I hingga \$390 setahun bagi Tingkatan VI atas.

- (ii) Balu anggota-anggota Angkatan Tentera yang terkorban adalah diberi pencen tanggungan dan ganjaran mengikut Peraturan-peraturan

Pencen Angkatan Tentera. Pencen itu dibayar seumur hidup atau sehingga berkahwin semula.

Selain daripada pencen dan ganjaran, balu seseorang anggota tentera yang terkorban semasa menjalankan tugas boleh mendapat saguhati sebanyak \$10,000 yang diberi daripada Tabung Pertahanan Negara.

Selain daripada bayaran-bayaran yang saya nyatakan tadi, balu tersebut boleh juga memohon untuk mendapat bantuan untuk anak-anaknya daripada Tabung Amanah Kebajikan Perwira Negara. Kadar bantuan untuk anak-anak yang boleh didapati dari Tabung ini adalah:

- \$20 sebulan—bagi anak pertama,
- \$15 sebulan—bagi anak kedua dan ketiga,
- \$10 sebulan—bagi anak yang keempat dan selebihnya.

Selain daripada bantuan-bantuan ini, bantuan adalah juga diberi oleh beberapa buah Kerajaan Negeri dan Pertubuhan-pertubuhan lain.

Memandang kepada adanya bayaran-bayaran yang diterima dari Kerajaan dan punca-punca lain, tidaklah perlu bagi saguhati yang dibayar kepada balu anggota-anggota yang terkorban itu dinaikkan lagi. Perkara ini walau bagaimanapun adalah sentiasa dalam perhatian Kerajaan dan sukita saya menegaskan bahawa kebajikan balu dan anak-anak anggota tentera adalah diambil berat oleh pihak Kementerian Pertahanan khususnya dan Kerajaan amnya.

Berkaitan dengan cadangan untuk mendapatkan sumbangan dari firma-firma yang mendapat taraf perintis supaya jumlah wang dalam Tabung Pertahanan Negara dapat ditambah dan saguhati yang dibayar digandakan, saya berpendapat tindakan seumpama itu tidaklah perlu buat masa sekarang. Jika keadaan memerlukan, Kerajaan akan membuat rayuan kepada pihak swasta untuk memberi sumbangan kepada Tabung Pertahanan Negara dan Tabung Amanah Kebajikan Perwira Negara dan saya percaya seperti di masa-masa dahulu pihak swasta,

termasuk firma-firma yang bertaraf perintis tidak akan teragak-agak untuk menghulurkan derma mereka.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan mengatakan bahawa pencen kepada balu-balu itu akan diberhentikan jika balu itu berkahwin semula. Tidakkah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa cara ini bolehlah dikatakan satu cara yang tidak begitu adil terutama jika balu itu seorang yang muda dan jika pula mempunyai dua tiga orang anak bagaimana pula nasib anak-anak itu jika balu itu berkahwin. Soalannya bolehkah

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak payah soalan lagi, sudah tahu (*Ketawa*).

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, konsep yang digunakan di sini ialah tatkala balu itu apabila suaminya masih hidup, suaminya itu masih boleh menanggung dan sebagai ganti tanggungan itu apabila isteri menjadi balu, pencen ini diadakan. Tetapi setelah berkahwin semula untuk mengelakkan sebarang kemungkinan sesiapa kahwin dengan balu itu untuk mendapatkan kemudahan daripada pencen si balu ini, di antara sebab-sebab yang lain, maka terpaksa-lah diberhentikan pencen itu apabila balu itu berkahwin semula.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahya: Soalan tambahan. Selain daripada bayaran \$10,000 adakah bayaran daripada Kerajaan Negeri itu telah ditetapkan angkanya dan jikalau tidak tetap angkanya itu, adakah Kerajaan bercadang mengadakan satu skim insuran bagi tiap-tiap anggota perajurit seperti yang dicadangkan bagi anggota Polis.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, Pemberian daripada Kerajaan Negeri, berbeza di antara satu negeri dengan satu negeri yang lain dan tentang mengadakan skim insuran untuk anggota Angkatan Tentera, perkara ini sedang dikaji dan dijangka kertas kajian ini akan siap tidak lama lagi.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa pencen-pencen ini diberi kepada balu si mati. Adakah Yang Berhormat

Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa ada ketikanya pencen itu dibahagi dua di antara balu dan ibu si mati dan jika sedar, apakah tindakan untuk membetulkan perkara ini?

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, samada yang dibahagi ini pencen ataupun pemberian yang lain, ini saya kurang jelas dan terpaksa dikaji semula, melihat, meneliti dan menyemak semula. Tetapi tentang pemberian pembahagian antara dua ini, saya sedar adanya salah satu bayaran ataupun ganjaran yang dikeluarkan itu dibahagi di antara balu dengan ibubapa, samada ibu ataupun bapa kepada bekas perajurit itu. Ini terpulang kepada keadaan ibubapa kepada bekas perajurit itu, kerana kadangkala didapati ada perajurit-perajurit kita di samping membiayai keluarganya sendiri, juga adalah menghantar wang dan membiayai sara hidup ibubapa mereka. Kalau keadaan ini berlaku dan keadaan mendesak maka perkara ini ditimbang daripada semasa ke semasa oleh pihak Kementerian.

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan kalau si balu itu kahwin, pencen itu dipotong sama sekali. Katalah si balu itu kahwin, tidak bolehkah pencen itu dipanjangkan kepada anak-anak si mati tadi?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu suami barulah menjaganya. Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menjawab?

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, pencen itu adalah untuk isteri dan bukannya untuk mana-mana pihak yang lain.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan samada saya bermaksud pencen atau lain-lain bayaran. Yang saya maksudkan ialah pencen dan Yang Berhormat Timbalan Menteri juga ada mengatakan ada kalanya di mana perajurit itu ada memberi bantuan kepada ibunya. Soalan saya, jika si ibunya bukan orang yang susah (berkemampuan) tetapi si balunya menanggung anak dua orang, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang untuk membetulkan perkara ini semula?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab, yang diberi kepada ibu atau bapa ini mungkin bukan pencen tetapi pemberian yang lain. Adakah Yang Berhormat bertanya mengenai pencen?

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Ya, pencen.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya menjawab bahawa saya tidak tahu, tidak dapat pengesahan samada ini pencen ataupun pemberian yang lain.

Tentang soalan Ahli Yang Berhormat tadi mengenai penentuan atas keadaan ibu ataupun bapa kepada bekas perajurit, ini adalah dibuat bersama dengan jabatan-jabatan yang berkenaan dalam Kerajaan dan kita menimbangkan perkara ini dengan jabatan-jabatan yang berkenaan untuk menyelidiki tentang kebajikan dan keadaan ibubapa bekas perajurit ini. Tetapi kalau ada berlaku di mana seperti yang dikatakan tadi bahawa mungkin ada ibubapa yang mampu, tetapi masih diberi sebahagian daripada pencen ini ataupun sebarang bantuan, ini adalah satu perkara yang tidak mengikut apa yang telah dipersetujui dalam peraturan-peraturan kita.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan jika perkara ini berlaku ialah satu perkara yang tidak mengikut peraturan-peraturan. Jadi, soalan tambahan saya adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sanggup memberi pengakuan menimbangkan semula perkara ini jika saya kemukakan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sekarang ini.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Ahli Yang Berhormat ini menimbulkan satu perkara yang tertentu yang sedang pun dipertimbangkan sekarang. Jadi, saya berharap tidak usahlah timbulkan di dalam Dewan ini.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi sebagaimana dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan pencen yang telah diberi ialah kepada balu perajurit. Adakah Kementerian yang berkenaan sedar perkara ini pada fikiran saya berlawanan dengan agama Islam sendiri kerana tiap-tiap pesaka

yang wajib menerima dahulu ialah anak-anak dan adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar perkara ini berlawanan dengan kehendak insaniyah peri kemanusiaan. Soala saya, Tuan Yang di-Pertua, kerana kita tahu terpaksa seorang ibu selepas suaminya mati, apatah lagi yang muda dia terpaksa memilih satu di antara dua

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu bukan soalan. Itu penerangan.

Tuan Shaari bin Jusoh: Jadi

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soal ini sudah tahu.

Tuan Shaari bin Jusoh: Soalan tambahan saya, tidakkah Kementerian yang berkenaan akan bercadang mengubah sikap yang berlawanan dengan peri kemanusiaan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sebelum Yang Berhormat Menteri menjawab, pencen itu bukan pesaka. Pesaka ini benda yang ada masa hidupnya. Jadi, bila sudah mati jadi pesaka. Perkara ini ialah peraturan yang telah dibuat. Bila mati dia diberi bantuan daripada Kerajaan. Jadi bukan pesaka namanya.

Tuan Shaari bin Jusoh: Maaf, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah di dalam

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya hendak bertanya Yang Berhormat (Timbalan Menteri) kalau hendak menjawab.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, jikalau mengikut pendapat Ahli Yang Berhormat bahawa tidak patut wang ini diberi kepada balu ini, kita sentiasa menimbangkannya. Kalau salah diberi dan sebagainya itu, kalau mengikut pendapat Ahli Yang Berhormat patut ditimbang, kita akan menimbangkan semula.

PAMIRAN PERDAGANGAN DI SELURUH DUNIA

3. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

(a) setakat ini berapa buah bandar di seluruh dunia di mana Kerajaan kita

telah mengadakan Pamiran Perdaganganannya dan nama bandar-bandar itu;

- (b) bagaimanakah sambutan yang telah diberitahu oleh semua pihak dalam Pamiran-pamiran yang telah diadakan itu; dan
- (c) sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai hasil dari pamiran-pamiran yang telah diadakan itu terutamanya bagi perhubungan perdagangan di antara negara kita dengan negara luar.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya ingin memaklumkan iaitu semenjak tahun 1973 hingga bulan September, 1976 Malaysia telah mengambil bahagian di dalam 19 buah Pamiran Perdagangan Antarabangsa termasuk 2 secara persendirian di 18 buah bandar raya di seluruh dunia. Bandar-bandar di mana Malaysia telah menyertai pamiran perdagangan atau mengadakan pamiran secara persendirian adalah seperti berikut:

1. NEGERI JEPUN
 - (a) Tokyo (sebanyak 2 kali)
 - (b) Yokohama
 - (c) Osaka
 - (d) Okinawa
2. YUGOSLAVIA
 - (a) Zagreb
3. THAILAND
 - (a) Bangkok
4. PHILIPPINES
 - (a) Manila
5. JERMAN BARAT
 - (a) Frankfurt
 - (b) Berlin Barat
 - (c) Dusseldorf
6. BELGIUM
 - (a) Brussels
7. PERANCHIS
 - (a) Paris
 - (b) Marseilles

8. JERMAN TIMUR

(a) Leipzig

9. ARAB SAUDI

(a) Jeddah

10. LIBYA

(a) Tripoli

11. UNITED KINGDOM

(a) London

12. ITALY

(a) Milan

Mengenai soalan (b), sambutan daripada sektor swasta di Malaysia untuk mengambil bahagian di dalam berbagai Pamiran Perdagangan Antarabangsa di luar negeri yang dikendalikan oleh Kementerian ini adalah memuaskan. Selain daripada itu, sambutan yang diterima dari pelawat-pelawat, pembeli-pembeli dan pengimpot di setiap Pamiran Perdagangan yang disertai oleh Malaysia adalah menggalakkan. Pesanan-pesanan yang menarik banyak diterima oleh peserta-peserta di pamiran-pamiran tersebut.

Mengenai soalan (c), penyertaan Malaysia di dalam Pamiran-pamiran Perdagangan Antarabangsa telah mencapai banyak kejayaan. Banyak pertanyaan-pertanyaan perdagangan ataupun "Trade Enquiries" dan pesanan-pesanan telah diterima oleh pekilang-kilang dan pengeksport-pengeksport kita, dan dengan ini telah meningkatkan lagi pengeluaran tempatan. Pada amnya penyertaan Malaysia di dalam pamiran perdagangan antarabangsa telah memupukkan perhubungan perdagangan yang lebih baik dan lebih mesra di antara Malaysia dengan negara-negara luar negeri. Melalui pamiran-pamiran perdagangan yang ada ini Malaysia telah dapat memperkenalkan dirinya bukan hanya sebagai pengeluar-pengeluar bahan utama tetapi juga sebagai pengeksport barang-barang perkilangan seperti tekstail, elektronik, barang-barang yang dibuat dari kayu, elastik, getah dan sebagainya.

PELAJARAN MUZIK DI RADIO PENDIDIKAN

4. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kementerian beliau sedar bahawa masih ramai lagi guru-guru Sekolah Kerajaan di seluruh tanah air

yang tidak mengambil berat tentang pelajaran muzik di radio pendidikan yang ditunjukkan khas kepada murid-murid sekolah, dan jika ya, apakah tindakan yang telah diambil dalam hal ini.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar mengenai perkara ini kerana mengikut kajian yang dibuat oleh pegawai-pegawai dari Bahagian Perkhidmatan Sebaran Pendidikan di Kementerian Pelajaran dan juga maklumat-maklumat balas dari sekolah-sekolah, rancangan muziklah yang paling popular kalau dibandingkan dengan rancangan-rancangan lain yang diterbitkan oleh Radio Pendidikan.

KETUA-KETUA JURURAWAT

5. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah bilangan Ketua-ketua Jururawat di dalam hospital di seluruh Malaysia dengan memberikan angka-angka mengikut kaum dan hospital di mana mereka berkhidmat.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Wakil dari Kuala Selangor, sukalah saya membentangkan sedikit latar belakang dan menerangkan bahawa oleh kerana sesuatu tradisi dan keadaan-keadaan masa yang lampau, maka telah wujud satu keadaan dimana telah didapati lebih ramai pegawai-pegawai dari satu kaum daripada satu kaum yang lain dalam kategori para perubatan seperti jururawat dan sebagainya dan oleh itu mengakibatkan lebih ramai kakitangan yang kanan seperti Ketua-ketua Jururawat dari satu kaum daripada satu kaum yang lain.

Daripada 14 kategori kakitangan para perubatan yang berjumlah 18,252 orang yang terdiri daripada pegawai-pegawai yang ada dan juga penuntut-penuntut di dalam latihan, angka-angka pecahannya ialah 12,660 Melayu, 4,284 China, 1,307 India dan 201 yang lain. Dari angka-angka ini, dari jumlah bilangan 5,630 orang Jururawat yang terdiri daripada pegawai-pegawai yang ada dan juga mereka yang di dalam latihan angka pecahannya ialah 3,179 Melayu, 1,960 China, 443 India dan 48 yang lain.

Sekarang sebagai menjawab soalan Yang Berhormat itu sukalah saya dengan ringkasnya menyatakan jumlah bilangan Ketua-ketua Jururawat dalam hospital-hospital ialah 442 orang dan jumlah bilangan Ketua-ketua Jururawat dalam perkhidmatan kesihatan di Pusat-pusat Kesihatan dan Klinik-klinik dan sebagainya adalah 99 orang. Dengan itu jumlah besar bilangan Ketua-ketua Jururawat ialah 541 orang. Daripada angka-angka jumlah besar ini bilangan mengikut kaum ialah seperti berikut:

Melayu	...	...	...	72 orang
China	...	...	...	352 orang
India	...	...	...	100 orang
Lain-lain	...	...	...	17 orang

Daripada keterangan-keterangan saya tadi, Ahli Yang Berhormat dapat melihat dengan jelasnya bahawa satu asas (base) yang lebih baik telahpun diwujudkan untuk kaum Melayu dan dengan itu lebih ramai lagi jururawat-jururawat terlatih daripada bilangan jururawat yang besar ini akan mendapat peluang kenaikan pangkat sebagai Ketua Jururawat untuk membetulkan keadaan tidak seimbang ini. Akan tetapi, perlulah diingat bahawa ini akan memakan masa sedikit kerana mengikut urusan kenaikan pangkat seperti biasa.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kenaikan pangkat kepada jawatan Ketua Jururawat adalah daripada jawatan Jururawat biasa dan sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan daripada jumlah 442 Ketua Jururawat kalau tidak salah, beliau mengatakan hanya 72 daripadanya kaum Melayu. Tuan Yang di-Pertua, soalnya ialah dengan kesedaran bahawa kekurangan ini adalah disebabkan oleh latar belakang dan tradisi orang Melayu, apakah langkah-langkah dan tindakan yang boleh dibuat secara berkesan untuk menambah angka-angka ini atau melatih jururawat-jururawat biasa untuk dapat ditimbangkan naik pangkat kepada Ketua Jururawat.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, barangkali Yang Berhormat ini salah dengar, 72 orang Melayu bukan 32 orang. Berkenaan dengan latar belakang maka tentulah kita memakan masa. Jadi, Kementerian Kesihatan telah mengambil beberapa

langkah yang boleh untuk membaiki komposisi kaum di peringkat Suster yang ada di Kementerian Kesihatan dan semua jururawat mestilah mendapat kelayakan atau pengalaman yang penuh baharulah mereka itu dapat dinaikkan pangkat.

PENYAKIT KUNING (JAUNDICE) DI KALANGAN BAYI BARU LAHIR

6. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24* (2)) minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar tentang berlakunya insiden sakit kuning (jaundice) yang tinggi di kalangan bayi-bayi yang baru sahaja dilahirkan, bahayanya penyakit ini terutama sekali kepada bayi-bayi yang kekurangan enzyme dan jika ya, mengapa tidak terdapat pemeriksaan biasa (routine) yang dijalankan ke atas bayi-bayi yang baru sahaja lahir supaya mencegah bayi-bayi tersebut daripada kematian.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, Ya, saya sedar tentang kejadian penyakit kuning yang berlaku atas bayi-bayi yang baru lahir yang disebabkan oleh kekurangan enzyme jenis G-6PD (Glucose-6 Phosphate Deficiency). Kejadian ini berlaku antara 2-3% dari jumlah kelahiran bayi-bayi yang hidup. Pada zahirnya kejadian ini telah dikatakan bertambah tetapi yang sebenarnya tidak begitu, angka kejadian itu hanya nampak bertambah adalah disebabkan lebih banyak lagi kes-kes yang telah dirujuk daripada kawasan luarbandar dan kes-kes bayi ini telah disiasat dan dikaji di hospital dengan cermat dan didapati sah penyakit-penyakit kuning itu. Kadar yang sebenarnya adalah tidak bertambah. Pemeriksaan makmal biasa bagi penyakit kuning G-6PD ada dijalankan di Hospital-hospital Besar bagi bayi-bayi tersebut.

MURID BUKAN CHINA DI SEKOLAH CHINA

7. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan samada benar Pejabat Pelajaran Sarawak telah mengarahkan ibubapa-ibubapa yang bukan China supaya jangan menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah rendah China dan nyatakan sebab-sebab arahan tersebut dibuat yang melanggar hak Perlembagaan seorang rakyat Malaysia untuk menghantar anak-anaknya ke sekolah pilihannya.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan ini ialah tidak benar.

Jabatan Pelajaran Sarawak tidak mengarah ibubapa bukan China supaya tidak menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah China. Sebab itu terdapat 245 murid bukan China yang akan masuk ke sekolah China pada tahun 1977. Tetapi di beberapa buah sekolah China yang sudah penuh sesak, arahan diberi supaya ditempatkan murid bukan China di Sekolah lain. Ini ialah oleh kerana keutamaan diberi kepada murid China di sekolah China. Jika murid China diarah ke sekolah lain untuk memberi tempat kepada murid bukan China, tentulah tanggapan hebat diterima.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat di Malaysia Berat juga pun terdapat murid bukan China di Sekolah China dan Kementerian Pelajaran tidak pernah menghalang ibubapa berbuat demikian. Tuduhan ini dibuat oleh setengah-setengah pihak kerana ingin menimbulkan masaalah perkauman dalam perkara yang tidak ada kaitan dengan perkauman.

HOSPITAL BESAR IPOH

8. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24* (2)) minta Menteri Kesihatan menyatakan samada penambahan yang dibuat bagi Hospital Besar Ipoh itu akan juga mempunyai yunit luas jagaan bagi mengendalikan pesakit-pesakit jantung yang serius.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang sama telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kinta di Dewan ini pada 19hb Julai, 1976, dan saya telah pun memberikan jawapannya.

JAWATAN GURU BESAR DI SEKOLAH KEBANGSAAN

9. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah pihak Kementerian sedar ada kakitangan Jabatan Pelajaran yang telah berkhidmat dalam Kerahan Tenaga (Tentera Wataniah) telahpun mendapat pangkat dan gaji yang lumayan dengan sebab perkhidmatan mereka; jika sedar tidakkah pihak Kementerian bercadang apabila habis perkhidmatan mereka dalam pasukan tersebut mereka akan ditempatkan

dalam Jabatan Pelajaran sebagai Guru Besar di Sekolah-sekolah Kebangsaan untuk menstabilkan kedudukan mereka.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini sedar tentang perkara ini. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, jawatan-jawatan Guru Besar di mana-mana sekolah, termasuklah juga sekolah-sekolah kebangsaan, adalah jawatan-jawatan yang bertaraf kenaikan pangkat. Calon-calon sebagai Guru Besar hendaklah terdiri dari mereka yang telah memiliki syarat-syarat seperti yang telah ditetapkan dalam Sekem Perkhidmatan masing-masing dan mestilah mempunyai merit, kelulusan, pengalaman, kekananan serta sifat-sifat seperti kepimpinan, tanggungjawab dan daya utama. Mana-mana pegawai yang telah berkhidmat dalam Kerahan Tenaga dan memenuhi syarat-syarat yang disebutkan tadi adalah layak dipertimbangkan untuk dilantik sebagai Guru Besar bersama-sama dengan pegawai-pegawai yang lain.

PERKHIDMATAN KESIHATAN LUAR BANDAR

10. Tuan Sibot Miyut anak Tagong minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang dijalankan untuk meluaskan perkhidmatan kesihatan luarbandar di dalam negeri Sarawak dan berapa buah lagi dispensari-dispensari bergerak di luar bandar yang sedang dirancangan untuk negeri Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, dan daripada jumlahnya, berapa bilangan yang dirancangan untuk Bahagian Ketujuh.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sentiasa memberi keutamaan kepada perluasan perkhidmatan perubatan dan kesihatan di kawasan-kawasan luarbandar terutamanya di negeri yang kurang maju seperti Sarawak. Di bawah Rancangan Malaysia Kedua, saya melapurkan bahawa rancangan-rancangan pembangunan di Sarawak telah dilaksanakan dengan baiknya. Bagi perkhidmatan kesihatan luarbandar, di samping perkhidmatan doktor terbang, juga terdapat 6 buah pusat kesihatan kecil, 2 buah community health sub-centres, 33 buah Sub-Dispensari dan 25 buah Dispensari Bergerak.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, keutamaan yang tinggi masih juga diberi kepada kawasan-kawasan luarbandar terutama sekali daerah-daerah di mana tidak ada kemudahan-kemudahan kesihatan. Sejumlah \$6,978 juta telah diperuntukkan kepada Sarawak bagi mengadakan kemudahan-kemudahan kesihatan di kawasan-kawasan luarbandar, bekalan air dan perhubungan radio dan talipon bagi yunit-yunit kesihatan luarbandar. Kemudahan-kemudahan yang telah diluluskan adalah seperti berikut:

Pusat Kesihatan Daerah ...	...	1
Pusat Kesihatan ...	...	6
Klinik Desa ...	...	33

Untuk Bahagian Ketujuh, 3 buah Pusat Kesihatan Kecil telah siap dibina di bawah Rancangan Malaysia Kedua manakala cadangan untuk menubuh 4 klinik Desa telah pun diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

LATIHAN UNTUK KAKITANGAN PARA-MEDICAL

11. Tuan Edwin anak Tangkun minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah yang sedang dijalankan untuk melatih lebih ramai kakitangan perubatan untuk meluaskan perkhidmatan perubatan Sarawak kepada penduduk-penduduk luarbandar yang tinggal di kawasan-kawasan yang bertaburan luas di dataran yang sukar dilalui untuk memperbaiki lagi taraf kesihatan penduduk-penduduk luarbandar.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar tentang betapa perlunya dipergiatkan lagi latihan untuk kakitangan para-medical memandangkan bahawa perkhidmatan perubatan dan kesihatan telah berkembang dengan begitu pesatnya. Oleh itu, program latihan untuk kakitangan para-medical telah dipergiatkan pada permulaan tempoh Rancangan Malaysia Kedua, terutama sekali untuk kakitangan-kakitangan yang diperlukan bagi meluaskan lagi perkhidmatan kesihatan luarbandar. Kemudahan-kemudahan latihan yang sedia ada telah diperluaskan serta diperbaiki dan peralatan ditambah. Lebih ramai lagi pengajar-pengajar jururawat (tutors) telah dilatih dan bilangan jururawat, pembantu-pembantu hospital, bidan, penyelia kesihatan luarbandar (rural health supervisors) dan inspektor-inspektor kesihatan yang diambil untuk dilatih juga telah bertambah.

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga, usaha-usaha akan diteruskan untuk mempergiatkan lagi program latihan. Sejumlah \$3.07 juta telah diperuntukkan bagi latihan. Jumlah ini akan digunakan untuk menubuh:

- (i) Sebuah pusat latihan baru di Serian bagi Jururawat Masyarakat dan Perubatan Hospital Rendah;
- (ii) Sebuah "demonstration area" yang intensif untuk latihan praktikal di Daerah Serian; dan
- (iii) Sebuah lagi asrama di Kuching untuk kediaman Pembantu-pembantu Hospital dan Jururawat-jururawat Pelatih.

Dengan cara ini, pengambilan kakitangan seperti di bawah ini akan dapat ditambah:

Kategori Kakitangan	Pengambilan tahunan di bawah Rancangan Malaysia Kedua untuk 1975	Pengambilan untuk tahun 1978 ke atas
Jururawat Masyarakat	60	100
Jururawat	50	100
Pembantu Hospital ...	30	30
Pembantu Hospital Rendah	20	50

Tuan Edwin anak Tangkun: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri Kesihatan ada menerangkan lebih ramai lagi kakitangan-kakitangan perubatan untuk dispensary ataupun klinik di luar-luar bandar dan Kerajaan juga akan menambahkan dispensary-dispensary kepada penduduk-penduduk di luar bandar di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dengan angka yang besar. Tetapi saya ingin tahu oleh kerana ramai pelatih-pelatih akan diambil berapa peratuskah kaum Bumiputra sudah berlatih ataupun akan diambil berlatih dari luar bandar oleh kerana jika Kerajaan dapat mengeluarkan banyak lagi dispensary-dispensary dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak payahlah bercakap panjang buat soalan sahaja, "berapa peratus?"

Tuan Edwin anak Tangkun: Ya, Berapa peratus?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, bagi negeri Sarawak serta Sabah kita cuba mengambil lebih ramai pelatih-pelatih

daripada kawasan luar bandar jika calon-calon itu mempunyai kelayakan atau kelulusan yang sesuai.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa pihak Kementerian akan cuba mencari calon-calon yang ada kelayakan. Soalan saya ialah adakah satu daripada kelayakan itu kemampuan dan kerelaan calon itu untuk duduk dan berkhidmat di luar bandar? Jika begitu, tentu sahaja ukuran ini dibuat sebagai satu ukuran melantik calon-calon untuk memenuhi kehendak-kehendak orang-orang di luar bandar.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya Kementerian ini telah melaksanakan dasar ini sekarang dan apa yang dijawab oleh saya tadi cukup jelaslah mengenai usaha-usaha yang telah diambil oleh Kementerian saya.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak begitu jelas, kerana sebagaimana yang saya tahu ukuran yang dibuat hanya pada segi pelajaran walhal calon-calon daripada luar bandar kurang pada segi pelajaran.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan tambahannya apa?

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahannya, kalau Menteri sedar boleh atau tidak dibuat ukuran selain daripada pelajaran, kemampuan dan kerelaan mereka untuk berkhidmat di luar bandar.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pengambilan calon-calon ini adalah melalui Public Services Commission. Ada satu standard yang ditetapkan oleh Public Services Commission, jadi calon-calon yang telah diambil oleh Public Services Commission diterima sahaja oleh Kementerian ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ada lagi?

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa pengambilan calon-calon itu adalah dibuat oleh Public Services Commission, tetapi yang berkehendakkan calon-calon itu ialah Kementerian Kesihatan. Dengan sebab itu tidakkah

Kementerian yang berkenaan sedar bahawa Public Services Commission boleh mengambil calon-calon yang kurang pada segi pelajaran jika Kementerian yang berkenaan mengarahkannya.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, adalah satu soalan yang penting berkaitan dengan dasar serta juga standard latihan oleh kerana para medical staff ini tidak bolehlah dianggap seperti seorang Technician yang lain oleh kerana perkhidmatan para medical staff ini adalah mengikut arahan daripada doktor-doktor. Perkhidmatan ini ada hubungan dengan manusia. Jikalau tidak ada standard yang setaraf barangkali boleh menimbulkan berbagai-bagai kesulitan dan juga kehilangan jiwa di kalangan rakyat kita.

Tuan Ja'far bin Hamzah: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ada menyatakan bahawa Kementerian sedang menjalankan usaha-usaha untuk mempergiatkan lagi daripada segi memberi latihan kepada Jururawat-jururawat dan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor ada menjelaskan bahawa Jururawat-jururawat yang ada di dalam latihan tidak dapat menerima pelajaran-pelajaran yang diajar oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat ini menggulungkah?

Tuan Ja'far bin Hamzah: Tidak. Soalnya adalah begini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan tambahannya apa.

Tuan Ja'far bin Hamzah: Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa latihan-latihan yang diberi kepada Jururawat itu diajar dalam bahasa Inggeris dan jika sedar apakah tindakan bagi mengatasi masalah ini supaya Jururawat-jururawat yang berkelulusan M.C.E. di dalam bahasa Malaysia dapat menerima pelajaran yang diajar di dalam latihan itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Bukanlah M.C.E., S.P.M.

Tuan Ja'far bin Hamzah: S.P.M.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ya.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, ini tidak benar, yang sebenarnya bahasa pengantar di sekolah-sekolah latihan Jururawat sekarang ialah Bahasa Malaysia dan bukan Inggeris. Sungguhpun ramai tutor-tutor yang mengajar di sekolah-sekolah yang berkenaan cuba menggunakan Bahasa Malaysia seberapa yang boleh, tetapi jikalau adalah berkaitan dengan pengetahuan perubatan atau medical terms, kadangkala adalah menggunakan bahasa Inggeris.

Tuan Edwin anak Tangkun: Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya, seorang yang sudah berlatih dan dia tidak mahu dihantar ke dispensary di luar-luar bandar kerana sebabnya jauh dari pekan ataupun dari bandar, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini lain sedikit daripada soalan asal, tetapi tidak apalah nampaknya Yang Berhormat Menteri sudah berdiri hendak menjawab.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, sama dengan para-medical staff yang dilatih oleh Kementerian Kesihatan dan sekarang ini mereka adalah dibayar pocket allowance tiap-tiap bulan, iaitu bagi penuntut jururawat sebanyak \$150 sebulan. Selepas tamat latihan itu mereka terpaksa bekerja di kawasan luar bandar atau di kawasan-kawasan yang dikehendaki oleh rakyat. Mereka itu tidak ada peluang untuk memilih dan mereka tidak boleh kata tidak mahu pergi—mesti kena pergi juga.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kawasan luar bandar ini, adakah termasuk kawasan pendalaman Yang Berhormat Menteri?

Tan Sri Lee Siok Yew: Ya.

BAYARAN PERTARUHAN \$1,500

12. Datuk Albert Mah minta Menteri Pelajaran menyatakan perlunya pelajar-pelajar memohon belajar di luar negeri bagi membayar cagaran \$1,500 dan adakah Menteri sedar iaitu pelajar-pelajar yang mempunyai tujuan lain dari belajar di luar negeri sanggup jua membayar \$1,500 cagaran untuk membolehkan mereka melanjutkan aktiviti jahat mereka.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun menjawab soalan ini pada 2hb November, 1976.

Bahagian kedua soalan ini merupakan satu perkara hypothetical dan saya tidak bercadang menjawabnya.

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat pagi tadi sepucuk surat yang dialamatkan kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat telah dikirimkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong iaitu untuk membawa satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) atas tujuan hendak merundingkan berkenaan dengan tahanan beberapa orang Ahli Dewan ini dan tiga orang rakyat yang lain. Sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kepong mengemukakan.

Dr Tan Chee Khoon (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, menurut Peraturan Mesyuarat 18 (1), saya ingin mencadangkan supaya ditangguhkan Majlis Mesyuarat ini dengan tujuan hendak merundingkan dan membahaskan tahanan enam orang iaitu saudara Kassim Ahmad, Yang Berhormat Tuan Chian Heng Kai, saudara Chan Kok Kit, saudara Tan Kiew Siew, Yang Berhormat Tuan Abdullah Majid dan Yang Berhormat Datuk Abdullah Ahmad.

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya membuat rayuan tersebut, saya mesti membuktikan perkara ini daripada tiga segi, iaitu perkara ini tepat atau definite dalam bahasa Inggeris. Perkara ini penting kepada orang ramai, dan perkara ini hendak disegerakan oleh beberapa sebab yang saya akan beritahu sebentar lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kelmarin Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah membuat rayuan dan boleh dikatakan serupa dengan saya tetapi malangnya pada masa itu katanya beliau tidak sedar tentang orang-orang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Saya harap Pemangku Yang di-Pertua sedar bahawa enam orang yang disebutkan oleh saya tadi sudah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Oleh sebab perkara itu telah diumumkan di radio, TV dan disiarkan dalam semua suratkhbar di tanahair . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya betulkan sedikit, bukan Pemangku Yang di-Pertua, tetapi Timbalan Yang di-Pertua.

Dr Tan Chee Khoon: Maaf. Timbalan. Oleh sebab itu perkara ini tepat atau definite dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini ialah penting kepada orang ramai disebabkan perbuatan ini mengancam hak asasi kemanusiaan yang telah dijamin kepada setiap rakyat jelata di dalam Perlembagaan negara kita dan perkara ini berkehendak disegerakan, oleh sebab ini ialah kali yang pertama bagi tiga orang wakil rakyat termasuk tokoh dan pemimpin-pemimpin parti Opposisi dan parti lain telah ditahan. Dan perbuatan seperti ini, Tuan Yang di-Pertua, telah mengancam juga demokrasi yang berparlimen di tanahair kita. Oleh itu, saya berharap Tuan Yang di-Pertua boleh menimbangkan perkara ini dengan teliti dan mendalamnya dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong tadi iaitu pada hari semalam Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah mengemukakan usul yang serupa. Tetapi sebagaimana yang diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong tadi pihak Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan saya sendiri tidak tahu akan hal mengenai tangkapan ini. Sebenarnya hingga pada saat ini pun pihak Parlimen tidak tahu dengan rasminya tentang tiga orang Ahli daripada Dewan ini sudah ditahan dan mereka tidak hadir di dalam Persidangan ini; sepatutnya pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan secara budi bahasa (matter of courtesy) menyampaikan dengan rasminya kepada pihak Parlimen. Tetapi dengan cara rasminya sampai hari ini tidak ada. Ini sangat mendukacitakan pihak Yang di-Pertua dan saya sendiri, kerana hanya mendengar daripada TV, radio dan akhbar sahaja. Bagi saya, perkara ini saya memandang berat dan tidak bolehlah Parlimen ini diringan-ringankan begitu sahaja diambil sebagai "take for granted".

Dr Tan Chee Khoon: Saya bersetuju, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya tidak meminta persetujuan daripada sesiapa. (Ketawa) Jadi saya harap perkara seumpama ini tidak berlaku lagi pada masa yang akan datang, pihak Parlimen hanya membuat satu-satu keputusan berdasarkan kepada apa yang didengar daripada siaran radio dan TV dan apa yang dibaca daripada akhbar-akhbar sahaja. Ini mungkin juga surat itu dalam perjalanan pos agaknya, atau budak pejabat masih berbasikal untuk menyampaikan ke Parlimen ini. Tetapi saya harap perkara ini tidak berlaku lagi pada masa yang akan datang.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa mengikut Peraturan Majlis Mesyuarat 18 (1) dan tadi telah diulangi oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, iaitu hendaklah ada tiga perkara yang mensyaratkan sesuatu itu, bahawa Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati supaya dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat. Tiga perkara ini iaitu:

Pertama, perkara ini tertentu;

Kedua, perkara ini untuk kepentingan orang ramai, dan

Ketiga, perkara ini berkehendak disegerakan.

Semenjak saya menerima surat ini pada pagi tadi, saya telah menimbang dengan teliti merujuk kepada undang-undang Peraturan Majlis Mesyuarat dan juga Perlembagaan dan diambil yang pertama, iaitu perkara ini tertentu bahawa tiga orang daripada Ahli Yang Berhormat ini mengikut apa yang diketahui daripada akhbar, radio dan TV sudah ditahan dan begitu juga tiga orang yang lain telah ditahan dan ini bererti perkara ini tertentu. Syarat yang pertama ada, dan saya bersetuju perkara ini tertentu.

Perkara yang kedua dikehendaki ialah kepentingan orang ramai. Perkara ini kalau diperhati dan dipertimbangkan iaitu perkara ini melibatkan tiga orang Ahli Dewan ini dan tiga orang yang lain ke semuanya ialah pemimpin-pemimpin berbagai-bagai parti politik, dan juga di satu pihak yang lain iaitu dari segi keselamatan dan ketenteraman negara. Jadi, kedua-dua ini pada saya, saya bersetuju sangat bahawa ini adalah kepentingan orang ramai, ada cukup syaratnya iaitu satu pihak melibatkan pemimpin-pemimpin parti-parti politik daripada beberapa parti politik, pihak yang lain pula iaitu

melibatkan negara iaitu keselamatan dan juga kebahagiaan atau ketenteraman negara. Jadi, ini kepentingan orang ramai, saya setuju memang ada syarat kepentingan orang ramai.

Satu syarat lagi perkara ini berkehendak disegerakan. Tadi Ahli dari Kepong yang membawa usul ini mengatakan iaitu perkara ini ialah bertentangan dengan hak asasi dan Perlembagaan. Saya juga telah lihat daripada Perlembagaan daripada hak asasi iaitu "kebebasan asasi" di bawah Perkara 5 (1) dalam Perlembagaan iaitu "Tiada seseorangpun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali menurut Undang-undang". Jadi, ini bererti kebebasan itu sendiri adalah tertakluk kepada Undang-undang dan juga sesuai dengan Perlembagaan. Dan sebagaimana yang disebutkan juga pada hari semalam iaitu tentang hak keistimewaan Ahli-ahli Parlimen, saya juga telah merujuk kepada Perlembagaan iaitu Perkara 63—Keistimewaan-keistimewaan Parlimen Fasal (1) hingga (4) tetapi tidak ada tersebut di situ bahawa Ahli-ahli Parlimen tidak boleh ditahan atau ditangkap pada masa Dewan ini bersidang.

Dan mengikut lapuran yang dibaca daripada akhbar dan dilaporkan oleh TV dan Radio ke enam-enam orang itu telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri yang sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri itu sendiri telah diluluskan oleh Dewan ini. Begitu juga apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong dengan hujjahnya perkara ini perkara patut disegerakan, patutlah kita tilik dan kita timbangkan bahawa tahanan atau tangkapan itu dilakukan dengan maksud penyiasatan terhadap mereka itu demi kepentingan keselamatan dan ketenteraman negara dan dilakukan di bawah satu Akta yang diluluskan oleh Dewan ini dan sesuai dengan Perkara 149 di dalam Perlembagaan.

Oleh yang demikian, setelah menimbang perkara ini samada patut disegerakan atau tidak, saya tidak dapat diyakinkan oleh hujjah-hujjah yang telah dikemukakan dan rujukan yang telah dibuat kepada Perlembagaan itu bahawa perkara ini perlu disegerakan sehingga ditangguhkan Urusan Mesyuarat Dewan ini.

Dengan sebab itu, saya dukacita tidak dapat meluluskan permintaan Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Ini keputusan saya.

(Ahli-ahli dari D.A.P. dan Pekemas keluar dari Dewan)

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1977

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (3hb November, 1976).

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1977

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang dikemukakan oleh Menteri Kewangan ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah buah Majlis:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$4,694,337,589 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1977, dan bagi maksud kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1977 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 39 tahun 1976, adalah diuntukkan di bawah kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan pecahan-pecahan kepala itu di ruangan lima dan enam senarai tersebut. (3hb November, 1976).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu Dewan ini ditangguhkan hari semalam Ahli dari Matang sedang bercakap dan suka hendak menyambung ucapannya. Saya jemput Ahli dari Matang.

3.36 pig.

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang): Tuan Yang di-Pertua, bagi menyambung ucapan saya semalam, saya teringat kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Pada masa ia membuat ucapan di dalam Dewan ini pada 1hb yang lalu ia berkata pemberita-pemberita akhbar bohong dan apabila ia kata begini bererti ia tahu pemberita akhbar tidak dapat menjawab di dalam Dewan ini. Pada hal setahu saya, Tuan Yang di-Pertua, pemberita-pemberita akhbar, baik apa akhbar telah menjalankan tugasnya dengan seadil-adilnya terutama sekali berita-berita ucapan di dalam Dewan ini. Bahkan pada hari Ahad yang lalu, 31hb Oktober pada masa pemberita akhbar daripada Utusan menyoal Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan didapati ada ditulis berkenaan dengan kenaikan cukai yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Oleh sebab itu, saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong sebenarnya setahu saya pemberita-pemberita akhbar sentiasa menghormatinya dan sentiasa memberi peluang sebaik-baiknya berita yang diberi olehnya untuk dimasukkan ke dalam akhbar mereka. Sebaik-baiknya di dalam hal ini kita tumpukan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan sahaja. Jika sekiranya kita dapati cukai yang dinaikkan tidak menasabah tolong buktikan mengapa tidak menasabah dan tolong tunjukkan satu cara yang sebaik-baiknya untuk dikaji oleh pihak Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam hal ini saya percaya masalah yang kita sedang hadapi sebelum 19-10-1975 dahulu ialah masalah bagaimana gaji Suruhanjaya Ibrahim Ali yang patut dilaksanakan bagi kakitangan Kerajaan di seluruh negara dan 19-10-1976 ialah satu tarikh yang sudah ditunggu-tunggu oleh pihak rakyat dengan perasaan yang berdebar-debar kerana CUEPACS bercadang hendak mogok. Tetapi nampaknya pihak CUEPACS dan juga pihak Kerajaan telahpun berunding perkara ini dan didapatinya cara tolak ansur yang telah dibuat itu menyebabkan 19-10-1976 sudahpun berlalu keadaan negara tenang dan saya percaya kakitangan Kerajaan mengharapkan supaya apa yang dijanjikan oleh pihak Kerajaan dapat dilaksanakan apabila sahaja sampai pada masa yang sebaik-baiknya.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja 19-10-1976 adalah satu sejarah juga dalam negara kita pada tahun ini bahkan di dalam tahun ini juga ada kaitan berkenaan dengan parti yang menjadi pemimpin kepada Barisan Nasional iaitu parti UMNO. Parti ini sudahpun menjadi satu berita besar apabila sahaja Abdul Samad Ismail menyatakan di dalam parti ini ada kominis dan sebelum itu berkenaan dengan parti ini juga ada kaitan dengan Yang Berhormat Dato' Harun. Tetapi pada 23 haribulan baru-baru ini apabila sahaja Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat satu kenyataan di Pulau Pinang, saya percaya dengan jelas, orang ramai yakni rakyat bahkan parti-parti yang lain daripada Barisan Nasional ataupun di dalam Barisan Nasional sendiri dapat dengan jelas berkenaan dengan parti tersebut. Saya berharap pandangan seperti ini dapat difahamkan betul-betul khasnya rakyat seluruhnya supaya hal-hal yang seperti ini apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap semalam mengkaji pada keseluruhannya daripada parti-parti yang lain, saya percaya Kerajaan sedang menjalankan tugasnya.

Di dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, pada tahun ini saya percaya bukan tahun ini sahaja bahkan pada tahun hadapan, pada tahun 1977 ada enam perkara yang negara kita ini sedang menghadapi:

- (1) Keselamatan dalam negeri;
- (2) Salahguna dadah;
- (3) Pengangguran;
- (4) Gaji Ibrahim Ali;
- (5) Kemajuan bumiputra di dalam lapangan perusahaan supaya mencapai matlamat 30%;
- (6) Menyediakan tapak rumah ataupun rumah-rumah kepada rakyat seluruhnya.

Sungguhpun ada lagi tetapi apa yang saya hendak sebutkan ini ialah berkenaan dengan enam perkara ini sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Berkenaan dengan keselamatan dalam negeri saya yakin dengan Perbekalan apa yang dikemukakan oleh pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan, saya percaya telah dapat meliputi bagi mengawal negara kita supaya negara kita sentiasa menghadapi keadaan yang aman dan sempurna. Jadi di dalam hal ini saya mengalu-alukan pihak

Kerajaan supaya menambah lagi yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri seramai 20,000 orang polis yang akan dilaksanakan mengikut peringkat-peringkatnya.

Selain daripada itu, saya hendak menyebut berkenaan dengan dadah. Berkenaan dengan dadah ini biasanya kita tumpukan benar-benar kepada Kementerian Kebajikan Am dan jika perkara ini kita tumpukan kepada Kementerian Kebajikan Am, saya nampak tentulah masalah ini lambat diselesaikan, bahkan mengikut laporan ramai lagi penagih dadah yang ada dalam negara kita ini dan didapati pula apabila sahaja mengeluarkan angka, menyebut angka berapa ramai penagih dadah, banyak pihak suka menyebutkan angka tersebut. Ada baiknya satu-satu pihak sahaja supaya tidak menjadi kekeliruan kepada rakyat. Kalau kita tumpukan kepada Kementerian Kebajikan Am biarlah Kementerian ini menyebut lebih dahulu. Di dalam hal ini saya percaya bukan sahaja belia-belia, penganggur yang menjadi penagih dadah, bahkan saya percaya dalam berbagai-bagai lapangan yang ada menjadi penagih dadah, baik mereka ini daripada rakyat biasa ataupun pegawai Kerajaan. Apa yang saya hendak sebutkan di sini ialah yang saya bimbang sekali, kalau ada sebahagian daripada tentera kita menjadi penagih dadah ataupun sebahagian daripada polis kita menjadi penagih dadah ataupun sebahagian daripada kakitangan Kerajaan yang lain menjadi penagih dadah, di samping kita hendak menyelesaikan belia-belia yang menjadi penagih dadah terpaksa pula kita menghadapi kakitangan Kerajaan yang menjadi penagih dadah. Jika ini ada, sebaiknya pihak Kementerian Pertahanan sendiri jika ada tentera menjadi penagih dadah pihak Kementerian Pertahanan sendiri hendaklah mengadakan sebuah pusat untuk memulihkan pegawai-pegawai ataupun tentera di dalam Kementerian ini supaya ia tidak pula ditumpukan kepada Jabatan-jabatan yang lain dan jika ada daripada sebahagian polis pula menjadi penagih dadah, eloklah Kementerian ini juga mengadakan pusat untuk pemulihannya. Begitulah juga Jabatan-jabatan yang lain tetapi jika tidak ramai bolehlah disatukan di antara Kementerian Pertahanan dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri supaya mengadakan pusat sepertimana yang saya katakan tadi.

Ertinya jika diadakan seperti itu mudah memulihkan semula dan dengan mudah saya percaya mereka ini dapat memegang jawatannya apabila sahaja mereka ini sudah sihat seperti sediakala. Saya berharap di dalam hal lain pula pusat-pusat ini hendaklah dibanyakan oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam hal yang lain, masalah tapak perumahan yakni rumah-rumah. Di mana-mana juga kita dengar masalah tapak perumahan kepada rakyat sudah jadi satu masalah besar kerana apabila sahaja Pejabat Tanah di mana-mana juga mengeluarkan borang, beribu-ribu rakyat memohon borang untuk mendapatkan tanah. Jika Dewan Bandaraya mengadakan rumah, beribu-ribu pula ramai rakyat berharap supaya mereka dapat peluang memiliki rumah. Ini ertinya masih ada lagi ataupun masih banyak lagi masalah ini yang sedang dihadapi khasnya oleh Kementerian yang berkenaan. Jadi apa yang saya sebutkan di sini khasnya masalah pegawai-pegawai Kerajaan. Jika sekiranya pegawai-pegawai Kerajaan ini menyertai rakyat memohon tanah, saya nampak mereka ini selalu ketinggalan daripada rakyat biasa, oleh kerana mereka terpaksa menulis di dalam borang itu mengikut apa yang betul kepada mereka. Jika gajinya \$500 mereka mestilah tulis \$500. Mereka tidak dapat buat bohong dalam borang yang dikeluarkan oleh jabatan. Mereka tidak berani sepatah pun mengikut apa yang ditetapkan oleh Kerajaan. Pada pendapat saya dan sebaik-baiknya supaya pihak Kementerian sendiri, misalnya saya sebutkan tadi, tentera. Kalau kita tahu tentera sudah sampai masa hendak bersara, apabila mereka ini akan sampai tempohnya, katakanlah pada tahun ini tentera yang akan bersara seramai 100 orang dan perkara ini kita minta Kementerian Pertahanan sendiri menentukan apabila mereka bersara di manakah mereka akan tinggal. Dan mereka ini beri laporan kepada Kementerian sekiranya mereka ini berkehendakkan tapak rumah misalnya, supaya Kementerian dapat berhubung dengan Kerajaan Negeri di mana mereka memohon. Dan jika Kerajaan Negeri itu menjawab tiada bolehlah diubah kepada negeri-negeri yang lain yang boleh beri tanah kepada mereka.

Jika tidak sebelum mereka bersara, mereka memohon, ada juga yang tidak dapat, oleh kerana mereka terpaksa bertanding dengan rakyat yang lain, kerana kemungkinan tidak

ada kemudahan buat rumah dan sebagainya. Tadi saya sebutkan di dalam Kementerian Pertahanan, bukan sahaja Kementerian Pertahanan bahkan kakitangan Kerajaan yang lain pun patut dapat buat seperti itu. Yang paling rendah sekali ialah buruh-buruh di Jabatan Kerja Raya, misalnya. Sebahagian besar mereka ini tinggal di rumah-rumah Kerajaan. Apabila mereka ini bersara, jika tidak ada tempat untuk mereka dapat buat rumah sendiri, mereka tidak dapat hidup sebagai pegawai Kerajaan yang sudah bersara di dalam negaranya sendiri. Jika mereka ini memohon pada masa mereka duduk di dalam rumah Kerajaan, biasanya disebut oleh kerana awak sudah duduk dalam rumah Kerajaan, nanti dahulu. Diberikan kepada orang yang menyewa, misalnya. Jadi sampai bilakah mereka ini diberi kemudahan. Oleh sebab itu, mereka ini pun patut disiasat berapa ramai mereka yang akan bersara dan pihak Kerajaan sendiri mengurusnya dengan sebaik-baiknya dengan Kerajaan Negeri supaya mereka ini dapat peluang memiliki tanah ataupun rumah. Saya percaya jika mereka ini dapat pada masa bersara, hak bersara, tempat tinggal yang baik, mereka pun bangga juga sebagai kakitangan Kerajaan yang sudah berkhidmat dan sudah pun bersara. Satu perkhidmatan yang sangat-sangat dihargai oleh pihak Kerajaan. Oleh sebab itu masalah ini, sungguhpun tidak sebesar, ada pihak yang menyatakan tidak begitu besar. Bagi saya, saya pandang ini satu perkara yang besar yang patut diselesaikan di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan, saya dapati ada lapan jenis cukai yang disebutnya. Daripada lapan, empat jenis cukai kehilangan hasilnya. Dan empat jenis cukai yang lain menambahkan hasilnya. Misalnya, cukai pendapatan perseorangan yang dihebohkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti Pembangkang. Cukai pendapatan perseorangan sungguhpun dianggap tidak adil oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pembangkang, tetapi saya percaya rakyat tahu Kerajaan akan kehilangan hasil \$17.4 juta kerana cukai pendapatan perseorangan ini. Bukan menambah bahkan hilang daripada hasil tersebut. Dan cukai pembangunan hilang sebanyak \$12.7 juta. Selain daripada itu cukai ganjaran yang diterima oleh pekerja hilang \$3 juta dan cukai pencen yang dibayar kepada pesara-pesara akan hilang

juga \$3.3 juta; bererti jumlahnya \$36.4 juta hilang cukai yang sepatutnya ada akan hilang pada tahun 1977. Sepatutnya cara penyusunan seperti ini perkataan "terima kasih" diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pembangunan tersebut.

Selain daripada itu, semalam saya menyebutkan masalah luar bandar. Saya lebih banyak menyebut masalah Matang, oleh kerana di kawasan tersebut boleh dapat berbagai-bagai rupa kehidupan rakyat. Di dalam hal ini masalah yang sedang dihadapi oleh penduduk-penduduk di luar bandar ialah masalah berkenaan dengan jalanraya. Jika cara jalanraya yang ada sekarang ini yakni jalan-jalan yang ada tanah merah tidak ditarkan, sampai bilakah hendak ditarkan jalan-jalan tersebut. Selagi tidak ditar seperti jalan-jalanraya yang lain, selama itulah rakyat akan merayu, menyebut dan sebagainya kepada Kerajaan.

Di dalam rancangan Kerajaan pada masa hadapan, masalah jalanraya hendaklah menjadi masalah utama juga supaya jalan-jalan tanah yang ada dan masih banyak lagi diseluruh negara ini dapat ditarkan dengan cara beransur-ansur. Rakyat bukan meminta supaya ditarkan yang selebar 22 kaki juga. Kalau 12 kaki pun itu sudah baik bagi rakyat di luar bandar. Yang setebal empat inci pun cukup untuk mereka berjalan kaki, menaiki motosikal, basikal, motokar dan beberapa buah kenderaan lain yang ada di kawasan-kawasan tersebut. Di dalam hal ini hendaklah Kerajaan memerhati betul-betul dan Kerajaan mengambil perhatian berat supaya selain daripada pihak L.L.N. sudahpun ada membekalkan letrik; J.K.R. sudah mengadakan bekalan paip air, tetapi jalanraya tidak dapat mengikuti perkembangan yang dicapai oleh letrik dan paip air. Oleh sebab itu, saya merayu kepada pihak Yang Berhormat Menteri memerhatikan perkara ini supaya keadaan di luar bandar dapat ada perubahan-perubahan daripada yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sebut berhubung dengan masalah Kementerian Pertahanan. Saya juga terbayang di dalam beberapa tahun ini apabila negara kita sudah menjadi begini, boleh jadi ramai anggota-anggota tentera kita yang akan kehilangan anggota atau akan cacat. Bukan sahaja tentera bahkan pihak polis sendiri, saya percaya, ada seperti itu. Apakah Kerajaan

sudah buat supaya mereka ini apabila sahaja bersara daripada jawatannya hidup seperti rakyat biasa, boleh memegang ataupun boleh mencari sara hidup mereka sendiri. Pada saya, saya mengesyorkan supaya Kementerian Pertahanan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dapat mengadakan pusat pemulihan mereka ataupun melatih mereka di dalam berbagai-bagai lapangan yang menasabah yang dipersetujui dan sesuai dengan mereka, supaya apabila sahaja mereka ini bersara, mereka dapat mencari nafkah hidup sepertimana sahabat-sahabat mereka yang lain, yang tidak ada cacat anggota.

Saya juga berterima kasih kepada pihak Kementerian ini kerana saya tahu Kementerian ini sudahpun memberikan mereka tugas-tugas yang ringan. Tetapi adakah mereka ini apabila bersara kelak, boleh lagi memegang jawatan di dalam Kementerian tersebut. Tentulah tidak, Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu satu pusat pemulihan untuk mereka hidup apabila bersara kelak patut diadakan oleh Kementerian ini bagi melatih pegawai-pegawai mereka yang telah cacat. Saya tidak tahu berapa ramai bilangan mereka itu.

Selain daripada itu ingin saya sebutkan berkenaan dengan cukai koperatif. Cukai koperatif ini, Kerajaan akan dapat daripada cukai tersebut sebanyak \$11.5 juta, tetapi oleh kerana cukai ini baharu sangat, ada baiknya pihak Kerajaan mengkaji semula supaya ahli-ahli yang menjadi koperatif, kalau tidak silap saya lebih kurang satu juta orang yang ada dalam negara kita ini, rasa bimbang dengan keadaan cukai. Misalnya, keuntungan pendapatan \$10,000 yang pertama dikenakan cukai 5% dan seterusnya sehingga \$500,000 kepada 40%. Saya berharap Kerajaan dapat mengkaji semula perkara ini, oleh kerana saya tahu jika sekiranya kita tidak mencari jalan mengurangkan di atas kadar cukai yang telah ditentukan ini, saya percaya ini akan menjadi masalah kepada koperatif-koperatif kecil yang ada di seluruh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam negara kita ini, koperatif kecil lebih banyak daripada koperatif yang besar. Dengan sebab itu, kita hendaklah mengkaji semula masalah koperatif-koperatif kecil yang ada di seluruh negara ini dan bagaimanakah cara yang sebaik-baiknya supaya sebelum mereka

dikenakan cukai yang banyak ataupun dikenakan cukai kepada mereka, hendaklah mereka ini diberi peluang dahulu di dalam lapangan perniagaan, perusahaan dan sebagainya. Misalnya, kita katalah saham yang dimiliki oleh badan-badan berkanun yakni ejensi-ejensi Kerajaan, dan bagaimanakah saham-saham ini dapat diberi kepada ahli melalui koperatif mereka untuk memiliki saham-saham tersebut. Saya katakan jika sekiranya dalam satu syarikat, katalah MARA ada memiliki saham 21% dan ada baiknya sebahagian daripadanya diberikan kepada koperatif di atas permintaan mereka. Dan begitulah juga daripada Perbadanan Kemajuan Negeri, PERNAS dan sebagainya yang dimiliki oleh Kerajaan. Jika sekiranya cara-cara yang ada, saham-saham ataupun harta-harta yang ada dalam ejensi Kerajaan ini tidak diberi peluang melalui koperatif ini, sampai bilakah saham-saham yang ada kepada ejensi-ejensi Kerajaan ini hendak diberi kepada rakyat. Pada hal, pada masa ini, saya dapati rakyat sudah mampu dalam lapangan perniagaan dan sebagainya. Oleh sebab itu, saya menyeru kepada Kerajaan supaya dapat memerhatikan hal ini dan bagaimanakah cara saham-saham yang ada di ejensi Kerajaan ini dapat diberi kepada rakyat melalui koperatif-koperatif, dan jika pada masa itu mereka ini dapat keuntungan melalui saham-saham ini, saya percaya pada masa tersebut, tentulah mudah bagi mereka membayar cukai sepertimana yang dikehendaki oleh Kerajaan. Saya berharap supaya masalah yang kita hadapi yang saya sebutkan tadi terutama masalah dadah, masalah keselamatan dalam negeri akan menjadi satu perkara yang dapat kita selesaikan dengan cara yang sebaik-baiknya.

Masalah pengangguran. Pengangguran ada di dalam negara kita dan apabila ada pengangguran maka ramailah rakyat daripada luar bandar datang ke bandar, dan Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam bandar pula rasa gelisah oleh kerana tidak cukup pekerjaan untuk diberi kepada rakyat di luar bandar. Jadi, oleh sebab itu Kerajaan hendaklah mencari jalan bagaimana penduduk-penduduk di luar bandar dapat diberi peluang terlebih dahulu sebelum mereka meninggalkan kampung halaman kerana mencari penghidupan mereka di dalam bandar seperti di Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong di atas Rang Undang-undang Perbekalan tahun 1977 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri ini dan saya harap supaya Yang Berhormat Menteri dapat mengambil perhatian untuk mengkaji semula cukai koperatif yang telah ditentukan terutama sekali koperatif-koperatif yang kecil khasnya yang ada di luar-luar bandar di dalam negeri kita.

4.05 ptg.

Datuk Senu bin Abdul Rahman (Kuala Kedah): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong ucapan Belanjawan, 1977 dan mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana membentangkan satu Belanjawan yang diterima oleh hampir keseluruhan rakyat walaupun ada sedikit-sebanyak perkara-perkara yang boleh dipertikaikan. Sebelum saya menyentuh satu dua perkara dalam Belanjawan tersebut, saya ingin menarik perhatian Dewan yang berbahagia ini kepada ucapan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang ditunjukkan kepada saya dan rakan saya Ahli Dewan Rakyat ini juga dan sebuah syarikat yang kami menjadi pengarahnya. Tuduhan Yang Berhormat dari Kota Melaka itu Tuan Yang di-Pertua, saya anggap sebagai satu tuduhan yang sungguh jahat dan tidak bertanggungjawab serta berbau 100% politik.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap tuduhan Ahli Yang Berhormat terhadap Syarikat Great Malaysia Line Sdn. Bhd. sebagai sebuah Syarikat yang kononnya difinance dan dikontrol oleh Russia dan secara tidak langsung menuduh saya dan rakan-rakan saya dalam Syarikat tersebut seolah-olahnya menyokong komunis Russia, hendaklah diberi perhatian yang berat dan adakah menyalahi atau tidak peraturan Dewan ini bagi seseorang Ahli menggunakan hak keistimewaan atau privileges membuat tuduhan liar yang tidak bertanggungjawab terhadap seorang ahli yang lain, dan apakah tindakan yang harus diambil oleh Dewan ini terhadap ahli tersebut, sekiranya tuduhan itu terbukti palsu dan sengaja dibuat untuk merusak dan menjatuhkan maruah dan image seorang ahli yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya di sini menyeru pihak Kerajaan khususnya Kementerian Dalam Negeri supaya membuat penyiasatan

yang segera terhadap tuduhan tersebut iaitu Syarikat Great Malaysia Line adalah sebuah syarikat yang difinance dan dikontrol oleh Russia. Sebaliknya, saya juga meminta Kementerian Dalam Negeri menyiasat kedudukan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tentang apakah hubungannya dengan Parti Komunis Malaya dan kedutaan Komunis tertentu dalam negara ini atau anasir-anasir komunis dalam negara ini.

Saya katakan demikian ialah kerana banyak kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat ini seolah-olahnya memberi gambaran yang beliau menjalankan tektik-tektik dan strategi-strategi komunis yang berusaha sedaya-upaya merusak dan menjatuhkan image Kerajaan dan menggalakkan perpecahan di antara pemimpin-pemimpin serta melemahkan semangat dan perpaduan rakyat dalam menyokong usaha kerajaan membenteraskan anasir-anasir dan pengaruh-pengaruh komunis dalam negeri ini.

Tuduhan yang mengatakan Syarikat Great Malaysia Line yang membawa orang-orang haji ke Mekah adalah dikontrol dan difinance oleh Russia adalah satu tuduhan sebagaimana saya katakan tadi yang sangat jahat yang sengaja dibuat untuk mengelirukan rakyat negara ini dan harus juga dengan tujuan untuk menghilangkan kepercayaan orang-orang Islam terhadap Kerajaan di dalam masa menghadapi ancaman komunis ini. Begitu juga seolah-olahnya pemimpin-pemimpin UMNO dan Kerajaan hanya menentang Komunisma China semata-mata. Tuduhan ini berupa tuduhan perkauman atau racial yang harus dimaksudkan untuk menerbitkan salah faham dan benci-membenci antara kaum di negara ini! Tidakkah itu serupa dengan tektik komunis?

Ahli Yang Berhormat itu sengaja menerbitkan kekeliruan (confusion) dan syak wasangka rakyat negeri ini terhadap kejujuran dan kesungguhan pemimpin-pemimpin UMNO dan Kerajaan dalam menghadapi anasir-anasir komunis yang kita semua tahu berazam hendak menjatuhkan Kerajaan yang dipilih oleh rakyat ini dengan apa cara pun juga, legal atau illegal, lawful atau unlawful.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Negara ini tidak boleh lagi dikelirukan biarpun dengan apa cara dan tektik juga. Kita menentang keras dan sama sekali tidak mahu komunis atau

ideology komunis berkuasa dan berpengaruh di negara ini samada komunis itu datangnya dari Russia atau China atau mana-mana negeri juga. Rakyat negara ini tidak mahu apa juga corak Kerajaan totalitarian atau dictatorship samada clean atau corrupt totalitarian government sebagaimana Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka acapkali membuat perbandingan dan pemilihannya.

Kita percaya dan berpegang teguh kepada dasar demokrasi dan cara hidup ala-Malaysian sebagaimana yang berjalan di Malaysia pada hari ini biarpun ada kelemahan dan ada kekurangannya. Kita tidak mahu apa corak totalitarian juga termasuk kalau ada corak totalitarian ala-Lim Kit Siang sendiri kerana kita telah melihat buktinya yang berlaku kepada pemimpin-pemimpin negara totalitarian ini iaitu manakala seorang pemimpin besarnya meninggal dunia maka tergulinglah bersama kepala-kepala sebilangan pemimpin-pemimpin mereka termasuk rakan sejawat dan seperjuangan dalam gelombang perebutan kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Kerajaan dan Dewan ini terhadap pendirian Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang pernah berterus-terang mengatakan beliau kononnya lebih suka kepada clean totalitarian government dari corrupt totalitarian government. Statement ini pernah dibuat oleh Yang Berhormat itu di dalam satu forum di Universiti Malaya baru-baru ini bersama-sama dengan saya. Apakah sebenarnya yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu? Dan dalam pemerintahan totalitarian hanya ada satu alternative sahaja iaitu samada fascist atau communist. Yang manakah pilihan Yang Berhormat itu, fascist atau communist? Tidakkah Yang Berhormat itu sedar bahawa seburuk-buruk pemerintahan demokrasi lebih baik dari sebaik-baik pemerintahan totalitarian. Sejarah telah membuktikan kebenaran ini.

Tuan Yang di-Pertua, terlanjur bercakap mengenai ancaman komunis ini maka saya ingin menegaskan di sini iaitu kiranya kami bercakap dan mendesak Kerajaan mengambil tindakan tegas terhadap komunis dan anasir anasirnya maka bukanlah bermakna kami meminta Kerajaan menggunakan kuasa sewenang-wenang. Sebaliknya kita semua tahu dan kita semua mahukan supaya Kerajaan yang berdasarkan kedaulatan undang-undang ini sebagaimana sekarang ini mesti diterus

dan dipertahankan. Dengan lain perkataan, kedaulatan dan kebebasan rakyat sebagai yang tercatat dalam Perlembagaan kita hendaklah dihormati.

Dalam pada itu kita juga sedar bahawa musuh yang kita hadapi sekarang bukannya musuh yang percaya kepada concept democracy yang kita anut atau kedaulatan undang-undang yang kita praktik atau cara hidup rakyat Malaysia yang diakui istimewa dan unique ini. Tetapi sebaliknya musuh yang bukan saja tidak percaya kepada concept Democracy bahkan berhasrat dan berusaha menghancurkan concept tersebut termasuk segala kepercayaan dan pegangan kita selama ini. Mereka hendak menggantikan segala-galanya dengan satu cara pemerintahan yang sama sekali asing (foreign) daripada keperibadian, kepercayaan dan fahaman kita.

Mereka juga berazam menjayakan tujuan mereka itu dengan kekerasan (violence), dengan pertempuran darah dan peperangan. Kerana mereka tahu tidak ada rakyat di negara manapun juga yang mahu menerima cara dan ideology mereka melainkan melalui ketajaman senjata dan mulut meriam.

Inilah musuh yang kita hadapi sekarang samada kita mahu mengaku atau tidak. Dari itu tidak ada langkah dan usaha yang boleh dianggap memburu buta selagi langkah-langkah itu sesuai dan tertakluk di bawah tafsiran Kerajaan yang berkedaulatan undang-undang dalam negara kita.

Sebaliknya adalah menjadi taktik komunis menggunakan sebarang cara dan usaha juga lebih-lebih lagi di dalam kontek political struggle bagi menyokong military struggle yang menjadi konsep perjuangan mereka. Menakut, memecah-belahkan rakyat dan pemimpin-pemimpin, mendemoralisasikan semangat dan kepercayaan serta sokongan rakyat kepada Kerajaan, melahirkan perasaan tidak puas hati dan perpecahan di dalam angkatan bersenjata, juga menggalakan semangat militan dan rasa frustration di kalangan belia, penuntut-penuntut dan golongan-golongan rakyat, semuanya ini adalah merupakan cara-cara dan taktik-taktik komunis memisahkan rakyat dengan Kerajaan sebagaimana yang terdapat di dalam perjuangan komunis merampas kuasa di mana-mana negeri juga.

Di bawah ini saya ingin memetik cara dan taktik komunis mengontrol rakyat sebagai yang disebut di dalam sebuah buku oleh seorang pengarang yang bernama Douglas Pike dalam bukunya "The Viet-Cong Strategy of Terror". Dengan izin, saya membacakannya dalam bahasa Inggeris.

"One means is enmeshing the villager in a network of social movements to keep the dissenter in line, probably the most powerful force in any society. Another is through intensive communication efforts: education, "thought reform", agitation, propaganda. A third means is coercion, force and terror. All are essential to the system."

"To understand fully their use by communists, one must understand the political and social instruments through which the communists work. This apparatus includes the Party, the various military elements, the popular front organization and mutual interest groups. All are engaged in various types of programs. All of these programs contain elements of terror, not as a capricious addition, but as an integral part. In short, the communists operate a population control system resting in part on terror."

Mustahilkah taktik yang sebegini juga sedang berjalan di Malaysia? Memandang kepada kejadian-kejadian dan kenyataan-kenyataan yang dibuat dari semasa ke semasa maka taktik dan strategy ini memang dijalankan.

Sebagai seorang yang telah turut bersama-sama melepaskan negara ini dari belenggu penjajahan British saya turut bangga dengan kemerdekaan yang dicapai itu maka saya juga tidak ingin sama sekali melihat negara ini termasuk sekali lagi ke dalam belenggu penjajahan sama ada penjajah komunis, ala China atau ala Russia ataupun penjajah imperialist ala Amerika atau ala Inggeris.

Oleh itu kiranya kami mendesak Kerajaan dan mengajak rakyat bermati-matian mempertahankan negara ini dari ancaman komunis maka desakan-desakan kami itu adalah lahir dari perasaan dan kemahuan yang sama supaya negara ini terus merdeka dan tidak termasuk ke dalam mana-mana block atau penjajahan sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengulas sedikit juga termasuk dalam kontek keselamatan negara kita iaitu masalah Rela dan

Rukun Tetangga. Kedudukan Rela dan Rukun Tetangga hendaklah dikaji semula untuk mengelakkan lapisan tanggungjawab (overlapping responsibility) dan supaya bersih dari segala percubaan anasir anti-nasional dan supaya mengelakkannya menjadi lasykar rakyat sebagai di Indonesia yang dipengaruhi dan dikontrol oleh komunis.

Kerajaan haruslah menjadikan Rela dan Rukun Tetangga sebagai tempat perkhidmatan rakyat menolong gerakan Pasukan Keselamatan dan sebagai bukti rakyat bersama merasa bahawa mempertahankan negara adalah tanggungjawab mereka, selaras dan sesuai dengan seruan pemimpin-pemimpin supaya rakyat sama-sama merasa bertanggungjawab dan berganding bahu menjaga keselamatan negara. Asuhan-asuhan dan didekan-didekan ke arah tersebut hendaklah dilancarkan bersama-sama dengan latihan kawalan dan sebagainya.

Peperangan urat saraf (psychological warfare) hendaklah diperhebatkan, dan badan ini hendaklah ditugaskan membuat kajian dan menyediakan bahan-bahan bagi alat-alat sebaran am termasuk Radio dan TV bagi menggembelingkan semangat dan kesedaran rakyat serta kedaulatan dan kemerdekaan serta dasar parlimentari demokrasi yang menjadi lunas pemerintahan negara ini.

Hendaklah disedari bahawa peperangan urat saraf adalah merupakan tugas utama bagi parti komunis untuk menarik dan menawan rakyat dan memisahkan rakyat daripada Kerajaan. Dari itu peperangan urat saraf hendaklah diperhebatkan seluas-luasnya bagi membenteras daayah dan propaganda komunis.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit dalam hubungan luar negeri. Saya menyokong dasar Kerajaan untuk mengadakan hubungan dan kerjasama yang rapat dengan Kerajaan baru Thailand yang sudahpun mengisytiharkan hasrat Kerajaan dengan lebih erat dengan kita, terutama dalam menghadapi ancaman musuh bersama iaitu komunis. Thailand dan Malaysia adalah menjadi benteng mempertahankan pengaruh dan kemaraan komunis ke kawasan berkecuali Asia Tenggara. Apa juga keretakan yang kiranya berlaku antara kedua negara ini sudah tentu akan dieksploitkan oleh pihak komunis demi kepentingan mereka.

Saya juga menyokong dasar Kerajaan mengadakan perhubungan baik dengan negara-negara komunis di Indo-China, Laos, Kambodia dan Vietnam. Kita mesti tidak melupakan bahawa mereka rakyat di negara tersebut adalah lebih rapat dengan kita dari segi sejarah daripada negara-negara lain. Dari itu biarpun dasar mereka komunis, saya percaya rasa kebangsaan atau national feeling tetap akan memainkan peranan penting dalam pembangunan di dalam dan di luar negeri mereka. Semangat independent dan berdiri atas kaki sendiri dengan perasaan megah dan bangga kepada kebangsaan dan kedaulatan negara sendiri sama sebagai negara-negara lain akan memainkan peranan penting dalam segala lapisan pembangunan di negara-negara itu.

Mereka juga sudah tentu mempunyai maruah dan kebanggaan iaitu tidak mahu selama-lamanya bergantung kepada Big Brothers baik Russia atau China sama seperti Republic Rakyat China tidak mahu bergantung kepada Russia dan begitu juga Yugoslavia kepada Russia atau China. Dan saya rasa ini sesuai dengan dasar yang di-anuti oleh negara kita iaitu dasar berkecuali dan tidak bergantung atau memusuhi dengan satu-satu negara juga.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah saya sekali lagi menyokong Perbekalan Tahun 1977. (*Tepuk*).

4.16 ptg.

Tan Sri Datuk Haji Mohd. Said bin Keruak (Kota Belud): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Belanjawan yang telah disediakan bagi tahun 1977 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, di samping itu saya mengucapkan tahniah kerana apa yang saya telah perhatikan di dalam Belanjawan yang telah disediakan ini adalah cukup memuaskan bagi tahun 1977.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih maklum di negeri Sabah kemajuan di luar-luar bandar itu memanglah sudah jauh ketinggalan daripada kemajuan-kemajuan di dalam bandar. Apa yang saya harap-harapkan iaitu projek-projek yang akan dilaksanakan dalam tahun 1977 nanti dapat dilaksanakan dengan tidak adil-adilnya kepada rakyat dengan tidak

memilih daripada golongan atau puak mana-mana pun atau parti yang memerintah ataupun parti yang masih berada di dalam Pembangkang. Dengan itu apa yang saya harapkan supaya tidak ada tindakan balas ataupun tindasan-tindasan yang tidak memuaskan pada rakyat masing-masing. Jadi, itulah keadilan. Apa yang saya harapkan iaitu projek-projek yang telah diberi oleh Kerajaan Pusat kepada Negeri Sabah supaya dapat diambil perhatian yang sewajarnya dan dapat melihat apakah benar-benar projek-projek ini telah dilaksanakan dan diberi kepada semua rakyat untuk menikmati dan menerima segala projek yang telah diberikan itu.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu di dalam Belanjawan, 1977 juga saya suka menyentuh mengenai rebate sebanyak \$60 yang telah diberi. Ini memang sangat baik oleh sebab siapa juga akan menerima rebate ini. Jadi bagi tahun 1977 ini, pada pendapat saya memang memadai tetapi apa yang saya hendak cadangkan supaya rebate \$60 ini akan dapat ditambah lagi selepas tahun 1977 nanti. Rebate ini kalau difikirkan bagi orang-orang yang berpendapatan lebih tinggi memang tidak mendatangkan keuntungan kerana orang-orang yang berpendapatan lebih tinggi itu lebih dapat membayar cukai-cukai yang berat dan juga menggunakan perbelanjaan yang lebih daripada orang-orang yang membayar cukai yang kurang. Jadi dengan itu apa yang saya harapkan supaya pada tahun yang akan datang iaitu selepas tahun 1977 potongan rebate ini akan diberi lebih lagi.

Selain daripada itu, apa yang saya terlihat mengenai cukai ini iaitu seperti kenderaan motosikal. Motosikal ini memang hanya dimiliki oleh orang-orang yang berpendapatan rendah. Bagi orang yang berpendapatan rendah ditambahkan cukai sedangkan pada pendapat saya barangkali untuk membayar harga motosikal itupun dipinjam. Kalau ditambah lagi cukainya tentulah lebih berat kepada orang-orang yang berpendapatan rendah itu. Jadi, pada pendapat saya kalau cukai yang akan dikenakan pada tahun 1977 itu tidak dapat diteruskan ataupun dikurangkan sedikit barangkali orang-orang yang menggunakan motosikal ini dapat diberi kesenangan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, cukai yang telah dikenakan, kita telah melihatnya, memang sangat memuaskan hati, sebab apa yang kita

lihat, cukai ini sehinggakan rumah urut pun dipungut dan dikutip. Tetapi kalau ada cukai yang lain, dielakkan cukai yang kecil ini adalah lebih baik lagi daripada memungut cukai sehingga ke rumah-rumah urut pula. Jadi dengan itu oleh sebab telah dikenakan begini saya harap selepas tahun 1977 nanti akan mengenakan cukai yang lain pula. Oleh sebab negeri kita tidaklah perlu memungut cukai yang seumpama ini, pada pendapat saya selepas tahun 1977/1978 hasil negeri ini memang berlebih-lebihan mahupun hasil dari pertanian ataupun minyak tanah, tembaga dan sebagainya yang ada di dalam negeri kita ini sudah memadai untuk menemui perbelanjaan kita dengan tak payah mengutip cukai-cukai yang kecil semacam ini.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya telah kerap kali membawa rayuan-rayuan di Dewan ini berkenaan jalanraya-jalanraya di negeri Sabah memang belum lagi mencukupi. Penduduk-penduduk di luar bandar belum menerima nikmat yang sama oleh sebab mereka terpaksa berjalan kaki kerana kenderaan tidak dapat memasuki ke kawasan-kawasan yang sangat diperlukan. Dari itu saya berharap supaya Kerajaan Pusat dapat memberi lebih bantuan wang untuk melaksanakan jalanraya-jalanraya di tempat-tempat yang jauh yang tidak boleh didatangi oleh kenderaan. Dan juga kita memang telah faham Sabah sangat jauh iaitu terpencil daripada Kuala Lumpur lebih kurang sejauh 1,000 batu. Manakala rakyat Sabah melawat ke Semenanjung ini memang sangat susah oleh sebab perbelanjaannya sangat berat mengikut kapal udara yang mana kita harap-harapkan di dalam Malaysia ini supaya menerima tambang yang lebih murah supaya rakyat yang jauh itu dapat bertambah-tambah lebih rapat lagi datang ke Semenanjung ini untuk menemui saudara-saudara yang begitu jauh. Tambang kapal udara yang dikenakan oleh MAS sekarang ini nampaknya sudah tinggi dan melampau tinggi maka tentulah penduduk-penduduk Sabah yang besar hati melihat saudara-saudara di Semenanjung ataupun saudara-saudara dari Semenanjung ini datang melihat negeri Sabah tentu berasa susah, manakala dibandingkan dengan kapal-kapal udara yang dipunyai oleh negeri lain yang mengenakan tambang tidak begitu mahal. Jadi apa yang

saya harapkan ialah supaya dapat Kerajaan menimbangkan sekiranya MAS tidak berkemampuan melainkan mengenakan tambang begitu berat, saya berharap supaya Kerajaan dapat memberi bantuan kepada MAS supaya dapat memberikan tambang yang lebih murah supaya rakyat Sabah yang jauh dari Semenanjung ini dapat lebih-lebih rapat lagi. Dengan itu persefahaman ini dapat dipersatukan jika dapat tambang murah dan rakyat Sabah dapat melawat ke Semenanjung ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan cukai pendapatan bagi pekebun-pekebun kecil terutama sekali negeri Sabah baharu sahaja mendapat kemajuan dalam segi pertanian iaitu bagi hasil-hasil pendapatan dari kelapa sawit dan sebagainya, sepatutnya pekebun-pekebun kecil ini dapat dikecualikan daripada pembayaran cukai ini sehingga pada masa-masa yang ditentukan. Tidakkah dapat disamakan kerana di Semenanjung ini sudah lama mendapat kemajuan bagi pekebun-pekebun kecil ini. Sabah hanya selepas memasuki Malaysia baharulah dapat mulai tumbuh dan cuma hanya satu dua tahun sahaja baharu mendapat hasil. Jadi jika dikenakan cukai, tentulah perasaan pekebun-pekebun kecil itu menimbulkan lebih kesusahannya lagi. Oleh sebab menggalakkan khususnya pekebun-pekebun kecil ini bagi bumiputra maka dari itu saya minta supaya menimbangkan pengecualian cukai ini dapat diberi kepada Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya suka menyentuh di dalam Dewan iaitu penyiaran di dalam RTM di Sabah. Nampaknya sekarang ini RTM di Sabah ini menyiarkan segala khabar-khabar dengan tidak memikirkan adakah ini bertentangan dengan peribadi seseorang dan tiap-tiap orang pemimpin di Sabah itu. Khabar hanya disebarkan begitu sahaja dengan tidak memperhatikan dengan sebenarnya iaitu menyentuh peribadi pemimpin-pemimpin kerana baru-baru ini berlaku di Sabah pemimpin-pemimpin di bahagian Pembangkang belum pun sempat membayar bill elektrik di rumah masing-masing belum sampai tempohnya dipotong pada hal dua atau tiga hari lagi tempohnya baru sampai dan selepas itu baru diberi notis seminggu lagi patutlah dipotong elektrik ke rumah mereka masing-masing. Sesudah itu disebarkan ke dalam radio dan talivisyon untuk memalukan mereka ini dengan pembayaran yang kecil sahaja tidak sebanding

dengan mereka yang dibuat itu. Dengan itu saya harap pihak RTM samada talivisyon ataupun Radio supaya Kerajaan Pusat mengambil perhatian iaitu Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memeriksa perbuatan-perbuatan ini supaya mengelakkan perselisihan faham di antara satu puak dengan satu puak yang lain. Kalau tidak, saya ragu-ragu perpaduan di Sabah tidak akan dapat dikekalkan. Jadi dengan itu saya berharap supaya mengambil perhatian yang berat.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh security dalam negeri Sabah. Kelmarin rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Sempurna telahpun menyentuh atas security. Memang selalu di Dewan ini saya pernah menerangkan tentang security ini oleh sebab Sabah dikelilinginya pelarian-pelarian datang daripada Filipina selalu memasuki Sabah dengan tidak mendapat apa-apa kebenaran, mereka memasuki sahaja kerana tempat-tempat masuk itu sangat luas. Kalau tidak dikawal dengan sebaik-baiknya, maka security di Sabah itu sangatlah susah oleh sebab mereka itu menggunakan perahu yang kecil masuk ke negeri Sabah dengan tidak mendapat apa-apa pun kebenaran, mereka hanya masuk sahaja dan kita tidak ketahui kerana mereka itu serupa dengan orang-orang di Sabah terutama sekali di pantai-pantai timur. Dari itulah saya minta, Tuan Yang di-Pertua, dalam segi keselamatan ini dapat diatasi dan diperiksa dengan sebaik-baiknya supaya dapat mempertahankan keselamatan dalam negeri Sabah. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya minta supaya pekerja-pekerja yang lebih mahir di Sabah dapat dihantar ke luar-luar bandar oleh Kerajaan Pusat, kerana kalau kita memandang pekerja-pekerja di Sabah itu belum mencukupi. Oleh itu, saya minta supaya Kerajaan Pusat menghantar pekerja-pekerja, kerana setahu saya sebilangan besar yang akan ditaburkan di negeri Sabah ialah dari Kerajaan Pusat. Dengan itu ada lebih baik kalau dapat dihantar lebih lagi pekerja-pekerja ke sana supaya dapat melaksanakan projek-projek yang mana dipertanggungjawab oleh Pusat.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat ini sahajalah yang saya dapat rayukan di dalam Dewan ini, mudah-mudahan Kerajaan Pusat mengambil perhatian yang besar bagi negeri Sabah supaya

dapat dikekalkan perpaduan dan supaya projek-projek dapat dilaksanakan dengan sewajarnya.

Dengan itu, saya menyokong sepenuhnya atas Belanjawan ini.

4.42 ptg.

Tuan Shamsuri bin Mohd. Salleh (Balik Pulau): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong Undang-undang Perbekalan, 1977 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan di Dewan ini pada hari Jumaat yang lalu. Ucapan Belanjawan beliau itu telah diikuti dengan penuh minat oleh orang ramai di seluruh negara, kerana inilah julung-julung kalinya satu upacara penting yang hasilnya nanti melibatkan seluruh aktiviti negara disiarkan secara langsung melalui radio dan TV. Langkah mengadakan siaran langsung oleh TV dan radio itu sangatlah dialu-alukan dan diharapkan akan berterusan di tahun-tahun akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu cadangan popular yang dibuat oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dalam ucapan Belanjawannya itu ialah langkah memberi rebate \$60 dan \$30 kepada golongan pembayar-pembayar cukai pendapatan 6%. Mereka kebanyakannya terdiri dari kakitangan Kerajaan Division II dan III yang terpaksa menanggung bebanan agak berat akibat inflasi. Sayugia disebutkan bahawa langkah pemberian rebate kepada golongan ini sangatlah bijak dan kena pada tempatnya, kerana rakyat dari golongan inilah yang paling ramai mencebur dan melibatkan diri mereka dalam berbagai bidang sosial dan kegiatan masyarakat di negara ini. Mereka jugalah yang merupakan orang perantara antara Kerajaan dengan rakyat maka dengan pemberitaan itu bermaknalah segala tenaga dan khidmat bakti mulia yang mereka curahkan selama ini dihargai dan diambil perhatian. Kepada golongan tersebut saya menyeru supaya menambah-giatkan lagi usaha-usaha mereka dalam lapangan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, suka juga saya menyentuh peranan radio dan TV Malaysia. Radio dan TV adalah merupakan alat sibaran am dan sumber berita rasmi Kerajaan, dan selama ini rakyat sentiasa mengikuti siaran kedua-dua alat sibaran itu untuk mendapat maklumat rasmi tentang kejadian

yang berlaku setiap hari di dalam dan di luar negeri. Dalam hubungan ini saya ingin memperkatakan tentang siaran yang dibuat mengenai pendedahan Samad Ismail.

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan yang dibuat oleh Samad Ismail yang telah dirakamkan kemudian disiarkan oleh radio dan TV Malaysia itu pada pandangan saya banyak menguntungkan pergerakan kominis di Malaysia secara tidak langsung. Saya katakan begitu kerana ekoran dari kenyataannya itu timbullah berbagai reaksi yang mencabar kesetabilan Kerajaan dan keutuhan parti pemerintah. Dan hal ini telah diakui sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam kenyataan akhbar pada hari Isnin, 1hb November, 1976 yang berbunyi:

“Penangkapan Samad Ismail dan pendedahannya dalam memperjuangkan cita-cita kominis yang dianutnya telah menimbulkan kekeliruan dalam suasana politik tanahair khususnya di kalangan ahli-ahli UMNO serta menimbulkan kebimbangan dan kecurigaan di kalangan rakyat. Apatah lagi manakala Samad Ismail menyatakan bahawa beliau telah dapat mendekati golongan muda pemimpin-pemimpin UMNO dan ini dianggap olehnya sebagai satu kejayaan.”

Tuan Yang di-Pertua, kepada rakyat, kenyataan secara umum yang telah dibuat oleh Samad Ismail itu menimbulkan berbagai pertanyaan dan kemungkinan-kemungkinan. Berapa ramaiakah tokoh-tokoh parti yang dapat dipengaruhi oleh Samad? Adakah mereka ini mempunyai hubungan langsung dengan kader-kader kominis yang menjalankan kegiatan keganasan dan mungkinkah mereka ini menjadi sumber maklumat penganas-penganas yang bergerak di hutan? Kepada Ahli-ahli Politik pula mereka tidak teragak-agak menyatakan pendapat dan pandangan-pandangan masing-masing yang disiarkan pula secara besar-besaran oleh akhbar-kahbar tempatan. Oleh sebab masing-masing pihak yang memberi pandangan dan pendapat itu melihat dari sudut yang berlainan maka timbullah pertentangan dan perbezaan sikap antara pemerintah dan penyokong Kerajaan. Sebagai contoh ada beberapa pihak daripada parti pemerintah mendesak supaya tindakan pembersihan dalam Kerajaan dan parti terhadap anasir-anasir yang dipengaruhi kominis dilakukan segera.

Dan lebih terlanjur dari itu ada golongan-golongan yang lebih ekstremis mengugut hendak keluar dari Barisan Kerajaan kiranya tindakan tidak diambil terhadap golongan-golongan tertentu yang dimaksudkan oleh Samad itu. Kerajaan pula berpendapat tindakan yang akan diambil tidaklah boleh terburu-buru kerana tindakan yang tergopoh-gopah tanpa siasatan yang rapi mungkin boleh membawa kepada kezaliman. Demikian kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie selaku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sebagai langkah meredakan ketegangan.

Di pihak musuh pula iaitu anasir-anasir subversif dan kominis perbalahan pendapat dan pertentangan sikap antara Kerajaan dan ahli-ahli parti pemerintah itu memanglah satu ketika yang ditunggu-tunggu, satu incident diharap-harapkan sesuai seperti kata pepatah: pucuk dicita ulam mendatang, jerat sudah mengena, mangsa sudah terperangkap. Mereka tidak berlengah-lengah lagi menggunakan peluang keemasan itu sepenuhnya, mereka segera menyebarkan fitnah kononnya parti Kerajaan sudah retak. Rebutan kuasa sedang berlaku, banyak parti akan menarik diri dari Barisan. Akibat dari itu, orang ramai jadi panic. Kemampuan Kerajaan menghadapi kominis sudah mula dipersoalkan dan berikutnya iklim pelaburan negara mulai mendong.

Tuan Yang di-Pertua, inilah ekor, inilah implikasi yang berpunca dari kenyataan Samad Ismail yang disiarkan oleh radio dan TV tanpa membuat pertimbangan yang teliti tentang kesan penerimaan dan reaksi orang ramai terhadap kenyataan itu.

Tuan Yang di-pertua, dalam hubungan ini, saya tidak berniat sama sekali hendak menyalahkan mana-mana pihak dalam Jabatan Radio dan TV kerana saya sangat-sangat faham bahawa pernah berlaku dalam perjuangan menentang musuh, pernah terjadi kita tertendang bola, masuk ke gol sendiri. sungguhpun demikian, adalah menjadi harapan saya supaya pada masa hadapan setiap kenyataan yang akan dibuat ataupun disiarkan terutama oleh kader-kader komunis wajarlah ditimbang baik-buruknya; advantage and disadvantage dari berbagai aspek supaya jangan pisang berbuah dua kali.

Tuan Yang di-Pertua, TV dan Radio pernah beberapa kali menyiarkan kenyataan dari kader-kader kominis yang ditawan. Dalam kenyataan mereka yang sudah-sudah itu mereka semua mengaku bahawa perbuatan mereka salah, mereka sudah diperalatkan oleh kominis, mereka tertipu dan sangat menyesal atas kebodohan mereka sendiri, akhirnya mereka bertaubat dan berikrar akan kembali ke pangkuan masyarakat. Dan sekarang mari kita lihat dan bandingkan pula kenyataan yang dibuat oleh Samad Ismail. Kalau di teliti, kenyataannya itu beliau dengan megah dan bangganya menceritakan sejarah kegigihan perjuangannya menyemaikan faham kominis kepada rakan-rakan wartawannya, mendekati pemimpin-pemimpin parti dan akhirnya berjaya mempengaruhi mereka yang berada disekeliling pucuk pimpinan.

Tuan Yang di-Pertua, tidak disebut dalam kenyataannya itu perkataan menyesal atau merasa bersalah atas perbuatannya, jauh sekalilah dari mengaku hendak bertaubat atau ingin kembali ke pangkuan masyarakat. Pada mulanya saya juga merasa kagum atas kebolehan dan kelicinan Samad Ismail menjalankan perannya itu, tetapi setelah saya teliti dan mengkaji disebalik kata-katanya yang tersirat itu maka saya dapati satu kesimpulan bahawa sebenarnya Samad bukanlah mastermind atas segala kegiatannya itu. Sebaliknya beliau bolehlah dianggap sebagai errand boy sahaja atau transit driver. Beliau hanya bertugas sebagai budak suruhan, tidak lebih dari itu. Oleh yang demikian, adalah menjadi kewajipan semua rakyat Malaysia lebih-lebih lagi Kerajaan bukan sahaja membersihkan dan menghapuskan anasir-anasir kominis dalam parti dan Kerajaan bahkan lebih dari itu mencari dan mengenali siapakah mastermind yang di belakang kegiatan Samad. Adakah mereka itu sedang bermaharajalela dalam negeri ini? Atau berada di luar negeri memberi arahan dari jauh. Walau bagaimanapun, rakyat tidaklah perlu bimbang terhadap ancaman kominis itu. Kita mempunyai Pasukan Keselamatan yang cekap, penuh semangat dan dedikasi. Lebih dari itu, kita mempunyai pucuk pimpinan yang tidak mudah panic dan melatah yang oleh sebuah majallah luar negeri yang diberinya gelaran The Giant Killer. Dan saya penuh yakin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita akan dapat mengatasi segala masalah yang ditimbulkan oleh kominis

itu—insya Allah. Tindakan-tindakan pemberian yang diambil setakat ini oleh Kerajaan telah dapat mengendurkan suasana tegang yang berlaku selama ini. Rakyat merasa lega di samping mengalu-alukan dan menyokong penuh atas tindakan tegas lagi bijaksana itu.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang pembangunan khasnya projek jalanraya dan jambatan. Jalanraya dan jambatan adalah merupakan keperluan asas kemajuan sesebuah negara. Kadar kemajuan sesebuah negara diukur dari panjangnya jalanraya yang dibina. Kerajaan kita sangat sedar tentang hal ini maka itulah semenjak merdeka sudah beribu batu jauhnya jalan-jalan yang telah dibina. Keutamaan diberi kepada pembinaan jalan-jalan di luar bandar, sudah beratus juta ringgit dibelanjakan untuk tujuan tersebut. Namun demikian, keperluan tentang pembinaan jalan-jalan di negara ini bukan semakin kurang malah semakin mendesak setiap tahun. Rakyat di pedalaman menggesa supaya tempat mereka diberi keutamaan, di samping itu jalan-jalan yang sedia ada terutama dalam bandar-bandar besar menjadi sempit dan sesak dengan tambahan lalu-lintas yang berlipatganda setiap tahun itu, juga perlu diberi perhatian segera. Tetapi kemampuan kewangan negara tidak mengizinkan Kerajaan menguntukan perbelanjaan yang lebih terhadap pembinaan jalan dan lain-lain alat perhubungan itu. Implikasi dari itu secara tidak langsung, kepesatan dan kemajuan negara jadi terbantut.

Tuan Yang di-Pertua, demi kepentingan kemajuan dan pembangunan negara, saya suka menyeru kepada Kerajaan supaya pembinaan jalan, jambatan dan lain-lain sistem perhubungan hendaklah dilaksanakan terus. Sistem perhubungan di bandar-bandar besar patutlah diperbaiki, dimoden dan dibuat secepat yang mungkin. Dalam hubungan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tentang kemampuan dan kebolehan Kerajaan dalam aspek kewangan. Oleh yang demikian, bagi mengatasi masalah kewangan ini, saya suka mencadangkan dalam Dewan yang mulia ini supaya Kerajaan membuka peluang kepada pemaju-pemaju swasta di dalam atau di luar negeri membiayai projek-projek pembinaan jalanraya atau jambatan yang difikirkan

sangat perlu lagi mendesak, kemudian pemaju-pemaju swasta itu dibenarkan memungut toll dalam jangka masa yang tertentu. Saya mendapat tahu ramai pemaju-pemaju swasta yang ingin mengambil bahagian jika mereka diberi peluang. Cadangan ini jika dilaksanakan akan memberi banyak faedah kepada Kerajaan dan negara. Di antaranya, pertama Kerajaan dapat mengurangkan belanja pembangunan dan menggunakan peruntukan itu untuk tujuan-tujuan lain.

Yang kedua, menggalakkan penanaman modal oleh pelabur-pelabur tempatan dan luar negeri.

Yang ketiga, mengurangkan bebanan hutang negara.

Yang keempat, menyegerakan pelaksanaan projek-projek perlu yang memakan belanja besar. Contohnya, seperti jalan Timur-Barat Semenanjung atau Jambatan Pulau Pinang.

Yang Kelima, menambahkan pesatnya kemajuan dan pembangunan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin ramai juga rakyat Malaysia yang mempunyai lebih wang dan tidak pula digunakan untuk pelaburan. Buktinya, setiap kali Bank Negara mengeluarkan bond-bond pinjaman Kerajaan maka tawaran yang diterima melebihi had yang diperlukan. Oleh yang demikian, maka Kerajaan patutlah mengkaji kemungkinan atas saranan yang telah saya kemukakan itu.

4.59 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, ketika membentangkan Belanjawan 1977, Yang Berhormat Menteri Kewangan menyatakan bahawa Belanjawan itu adalah rancangan ekonomi tahunan yang bertujuan hendak menghasilkan matlamat-matlamat sosial dan ekonomi negara seperti yang termaktub dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan dalam rancangan jangka panjang yang berbentuk bersesuaian dengan keadaan iaitu flexible dan sehabis-habis berkesan iaitu pragmatic. Seperti dijangkakan Yang Berhormat Menteri Kewangan kita telah memberikan satu gambaran yang cerah terhadap pencapaian ekonomi di tahun 1976 dan menambah bahawa ekonomi Malaysia adalah lebih baik dari jangkaan.

Beliau berkata dan saya petik di sini:

"Keluaran Dalam Negara Kasar (G.N.P.) di masa ini dianggarkan telah berkembang dengan sebanyak 8.5 peratus dari segi sebenar berbanding dengan 6.1 peratus menurut anggaran Belanjawan 1976. Ini bererti bahawa kita telah mencapai kemajuan ekonomi yang lebih pesat daripada apa yang kita jangkakan pada tahun lalu. Begitu juga inflasi telah naik hanya 4.5 peratus mengikut anggaran Angka Tunjuk Harga Pengguna, berbanding dengan kadar inflasi 6 peratus yang dianggarkan dalam Belanjawan 1976."

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya ketika menggariskan satu strategi belanjawan 1977 beliau berkata ianya bertujuan antara lain ialah untuk mempercepatkan pencapaian matlamat Rancangan Malaysia Ketiga, dan objektif-objektif sosio-ekonomi dan selaras dengan usaha mewujudkan keselamatan negara. Beliau menambah bahawa jumlah sebanyak \$4,694 juta telah diperuntukkan bagi perbelanjaan pembangunan dalam tahun 1977 berbanding dengan sebanyak \$3,317 yang diperuntukkan dalam tahun 1976.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kewangan kita telah memberi jaminan bahawa peruntukan wang yang cukup akan diperolehi oleh semua agensi Kerajaan untuk mempercepatkan pelaksanaan rancangan serta projek-projek mengatasi kemiskinan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan di sini bahawa perangkaan yang bersangkutan dengan pencapaian ekonomi Kerajaan adalah satu perkara, tetapi samada ia benar-benar merupakan pencapaian dan kejayaan ekonomi yang menguntungkan golongan terbesar adalah perkara lain pula. Adalah tidak berfaedah jika Kerajaan membesar-besarkan perangkaan mengenai kejayaan dan kemajuan ekonomi kepada rakyat sedangkan golongan yang miskin di kalangan semua kaum masih berlanjutan dan mereka belum lagi merasai nikmat yang dijanjikan oleh Kerajaan itu. Kerajaan sering memperkatakan tentang kejayaannya mengatasi kemelesetan dan inflasi yang buruk. Bagaimanapun sebaliknya sebilangan besar rakyat Malaysia masih lagi sengsara akibat dari inflasi dan taraf hidup yang tinggi terutamanya golongan miskin dan berpendapatan rendah yang terpaksa membelanjakan lebih dari 80% dari pendapatan mereka kepada makanan dan tempat tinggal. Kerajaan mesti sedar bahawa kejayaan ekonomi bagi negara

ini tidak boleh diukur dari segi apa yang terdapat di atas kertas tidak kira bagaimana kagumnya tetapi adalah samada nilai hidup rakyat telah bertambah baik atau samada rakyat boleh mendapatkan pendapatan yang cukup untuk membolehkan mereka hidup tanpa penderitaan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kemerdekaan telah dicapai sejak 19 tahun yang lalu tetapi tidak dapat dinafikan bahawa jurang perbezaan adalah besar di antara golongan berada dan tidak berada dan matlamat untuk menghapuskan kemiskinan belum nampak berkesan. Sejak dari dahulu sehingga sekarang Kerajaan banyak memperkatakan tentang menghapuskan kemiskinan. Apa yang diperlukan hari ini ialah satu strategi yang selaras dan meluas untuk mengatasi masalah kemiskinan samada di kawasan luar bandar ataupun dalam bandar. Tegasnya perang habis-habisan secara menyeluruh adalah diperlukan untuk menghadapi kemiskinan itu. Dalam hubungan ini adalah perlu bagi Kerajaan melihat sendiri dengan teliti bahawa wang cukup disalurkan kepada projek-projek serta rancangan bagi mengatasi kemiskinan supaya usaha itu tidak merupakan pengalihan kata-kata sahaja. Kemiskinan sekiranya tidak diselesaikan akan menambah lagi masalah sosio-ekonomi yang serius dan juga masalah keselamatan dalam negara ini. Oleh yang demikian usaha mengatasi kemiskinan adalah usaha yang patut dilaksanakan kerana kejayaan kita dalam mencapai objektif ini akan menentukan kestabilan negara di masa hadapan yang bahagia di kalangan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kemiskinan samada di luar bandar mahupun dalam bandar merupakan satu cabaran kepada Kerajaan dan dengan itu segala usaha yang perlu dan wajar mesti diambil untuk menyelesaikan masalah ini atau sekurang-kurangnya mengurangkannya. Dalam hubungan ini juga Kerajaan mesti berusaha untuk mengadakan satu strategi yang positif untuk mengurangkan monopoli kekayaan dan pendapatan yang berada dalam tangan sebilangan kecil rakyat Malaysia untuk memastikan nikmat yang diperuntukkan kepada masyarakat dibahagikan dengan adil. Jika tidak, apa yang kita panggil "masyarakat adil" tidak akan memberi makna kepada golongan miskin di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengulang cadangan cukai bagi tahun 1977, saya ingin menyentuh sedikit tentang Lapuran Ekonomi tahun 1976 dan 1977. Di sini saya ingin merojok kepada Bahagian V dalam Lapuran itu yang berhubung dengan kualiti kehidupan di Malaysia atau taraf hidup di Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi kejayaan Kerajaan serta usaha-usaha pembangunan mestilah diukur dari segi taraf hidup seluruh rakyat berbilang kaum di Malaysia. Memandangkan perkara ini adalah perlu ditekankan bahawa issue-issue sosio-ekonomi mengambil tempat paling utama untuk menentukan nilai hidup rakyat Malaysia. Mengikut Lapuran itu adalah dikatakan bahawa paling menarik sekali ialah dalam sidang kedua Dewan Parlimen tahun ini soalan-soalan mengenai sosio-ekonomi yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen merupakan 44% dari semua jumlah soalan yang dikemukakan. Lapuran Ekonomi memperbesarkan dua masalah iaitu penyalahgunaan dadah dan pengotoran air. Perhatian juga diberikan terhadap kumpulan tertentu, golongan belia dan bahan-bahan yang didapati mereka.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat diragukan lagi bahawa penyalahgunaan dadah menjadi masalah besar dalam negara kita sekarang dan seperti yang dinyatakan, dalam Lapuran Ekonomi golongan yang terbesar dalam penyalahgunaan dadah adalah berumur antara 20-25 tahun. Setelah kita menerima hakikat ini sebagai satu masalah adalah perlu bagi Kerajaan mengadakan satu langkah yang lebih berkesan untuk mengatasinya. Untuk menyelesaikan dan seterusnya menghapuskan masalah itu, Kerajaan mestilah menekankan lagi tentang pelajaran untuk membolehkan belia-belie kita sedar tentang bahaya dadah kepada diri mereka dan seterusnya mungkin memusnahkan mereka sama sekali. Oleh sebab itu Kerajaan juga perlu melancarkan kempen pelajaran secara besar-besaran melalui persatuan-persatuan sekolah, kelab-kelab dan lain-lain pertubuhan serta juga alat sebaran am untuk mengajar dan menerangkan kepada belia-belie tentang kesan buruk ke atas diri mereka.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana belia merupakan 60% dari jumlah penduduk negara adalah perlu bagi Kerajaan kita mengadakan satu kajian serius terhadap masalah belia untuk membolehkan kita

memahami masalah serta kehendak mereka. Kerajaan dalam perkara ini pada hemat saya, khasnya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan perlu mencari jalan untuk menyediakan perkara-perkara yang boleh menolong belia-belie menjadi produktif, berdisiplin dan menjadi ahli masyarakat yang percaya kepada diri sendiri. Usaha-usaha juga perlu diambil untuk menyalurkan bahan-bahan produktif kepada belia-belie bagi memerangi masalah-masalah seperti juvenile delinquency, jenayah, penyalahgunaan dadah dan berbagai lagi aktiviti anti-sosial. Pengangguran juga adalah satu lagi masalah serius yang dihadapi oleh para belia dan ini menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk mencari jalan bagi mewujudkan lebih banyak peluang gunatenaga untuk mereka. Selanjutnya memandangkan belia adalah pemimpin kita di hari esok saya mencadangkan supaya mereka diberi panduan kepimpinan dalam menghadapi jalan hidup. Apa yang lebih penting lagi ialah mereka perlu dibentuk supaya dapat berfikir selaras dengan kepentingan Malaysia serta pertimbangan Malaysia. Dalam perkara ini adalah perlu ditubuhkan dengan lebih banyak lagi kelab-kelab belia berbagai kaum supaya semua aktiviti-aktiviti tercurah ke arah kepentingan semua kaum.

Tuan Yang di-Pertua, Lapuran Ekonomi juga ada menyebut bahawa pengotoran air adalah satu masalah yang telah mendapat perhatian lebih dari pihak awam dan pihak pembuat dasar. Oleh kerana kekotoran air disebabkan dari lebihan industri tidak dapat disangkal lagi bahawa Kerajaan perlu mengambil langkah mengatasi perkara ini. Langkah yang sama juga perlu diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah pengotoran udara yang semakin serious sekarang terutama sekali di Kuala Lumpur. Asap hitam yang keluar dari kenderaan-kenderaan yang lama seperti bas-bas dan setengah dari kenderaan-kenderaan lain dan saya rasa Kerajaan patut mengambil langkah terlebih dahulu dalam perkara ini untuk mengatasinya kerana ini adalah perlu untuk kepentingan kesihatan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tersangat malang kerana Lapuran Ekonomi mengenai kualiti kehidupan di Malaysia tidak menyebut langsung tentang masalah perumahan yang begitu serious terutama sekali di bandar Kuala Lumpur. Masalah pembangunan perumahan terutamanya perumahan harga

rendah telah menjadi satu masalah yang besar dan berat bagi negara ini terutamanya di Kuala Lumpur. Sehingga sekarang lebih dari 13,000 permohonan adalah di dalam senarai menunggu bagi rumah-rumah harga murah, mereka ini menunggu sejak dua hingga tiga tahun yang lalu. Sebilangan besar dari pemohon-pemohon itu adalah dari golongan yang berpendapatan rendah yang tidak mampu untuk membeli rumah dari pemaju-pemaju perumahan swasta. Harapan mereka hanyalah kepada Dewan Bandaraya yang sanggup menolong mereka untuk mendapatkan rumah pangsa berharga murah. Dewan Bandaraya telah mengumumkan iaitu sejumlah 30,000 yunit rumah pangsa berharga murah akan dibina di Wilayah Persekutuan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Jumlah ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak mencukupi melainkan Kerajaan bersedia untuk memulakan satu rancangan perumahan kilat yang bertujuan untuk mempercepatkan pembangunan perumahan harga rendah di Kuala Lumpur. Kalau tidak, masalah perumahan ini akan menjadi lebih serious.

Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada masalah yang pedih mengenai kekurangan rumah-rumah berharga rendah di Bandaraya ini adalah dengan membina lebih banyak rumah pangsa berharga rendah untuk memenuhi keperluan pemohon-pemohon yang layak mendapatkannya selain dari setinggan-setinggan. Objektif mengadakan perumahan murah bukanlah semata-mata untuk menyelesaikan masalah setinggan sahaja tetapi juga untuk memenuhi keperluan golongan berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam aspek memperbaiki taraf hidup di Malaysia, satu perkara yang perlu diberi untuk memperbaiki keadaan kehidupan di kawasan-kawasan setinggan terutamanya kawasan setinggan yang muncul di Wilayah Persekutuan. Setinggan-setinggan di Wilayah Persekutuan hari ini tidak mempunyai keperluan-keperluan asas seperti paip air dan bekalan elektrik. Keadaan tempat buang air di semua kawasan setinggan adalah menyedihkan kerana mereka tidak mempunyai sistem longkang yang sempurna serta kemudahan tandas yang baik. Setinggan-setinggan telah banyak kali meminta supaya kemudahan asas disediakan tetapi selalu diketepikan atas dasar tidak ada peruntukan yang dibuat untuk memperbaiki keadaan hidup mereka kerana mereka

dianggap sebagai masalah yang bertenangan dengan undang-undang. Kita menyedihkan terhadap sebarang usaha Kerajaan yang menganggap masalah setinggan adalah masalah undang-undang dan dengan ini mesti diselesaikan mengikut lunas undang-undang.

Selain dari ini masalah setinggan bukan sahaja di Wilayah Persekutuan tetapi juga di kawasan-kawasan lain yang ianya mesti dilihat, Kerajaan patut melihat setinggan-setinggan sebagai satu masalah sosio-ekonomi dan bukanlah undang-undang. Setinggan-setinggan perlu dilayani seperti manusia lain di mana mereka ini berhak mendapat keperluan asas untuk hidup mereka. Memandangkan ini, kami sukacita untuk mencadangkan kepada Kerajaan untuk memulakan satu pelan yang positif dan segera bagi memperbaiki keadaan hidup di semua kawasan setinggan di Wilayah Persekutuan. Sebuah kawasan setinggan patut disediakan dengan bekalan air paip yang cukup atau sekurang-kurangnya satu paip awam, letrik, longkang-longkang dan kemudahan-kemudahan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan Belanjawan tahun 1977 yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan adalah mengecewakan. Belanjawan itu tidak mengagumkan dan tidaklah baru. Tiap-tiap seorang menjangka bahawa Belanjawan tahun 1977 akan mengandungi cadangan-cadangan yang menyeluruh dan ke depan untuk mengecilkan jurang antara golongan berada dengan tidak berada, untuk menolong mereka mendapatkan pembahagian harta dan paling penting sekali ialah untuk mewujudkan satu masyarakat yang adil dan yang seimbang. Bagaimanapun Ucapan Belanjawan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak mengandungi satu pengukuran yang menyeluruh dan radikal. Ini hanyalah satu kekecewaan di mana Belanjawan itu bukanlah anti-inflasi walaupun Yang Berhormat Menteri Kewangan ada menyebut tentang golongan pendapatan rendah yang mana Kerajaan ada rancangan untuk membantu atau memberi pertolongan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, adalah amat dikesalkan kerana Menteri Kewangan tidak menyentuh langsung dalam Belanjawannya tentang penghapusan atau pengurangan cukai jualan 5%, surtax 5% dan kenaikan 50% bagi duit impot ke atas buah-buahan

segar seperti oranges, apples dan juga buah-buahan kering yang mesti juga dikurangkan. Golongan berpendapatan rendah di negara ini telah lama menderita akibat adanya cukai jualan, surtax dan kenaikan 50% bagi duti impot terhadap buah-buahan segar dan kering baru-baru ini. Oleh sebab itu, adalah malang sekali bahawa Kerajaan tidak ber-cadang untuk mengkaji semula cukai-cukai ini samada untuk menghapuskannya atau mengurangkannya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menyatakan bagaimana Belanjawan tahun 1977 boleh menolong golongan berpendapatan rendah. Bagaimanapun, Menteri itu seolah-olah tidak sedar bahawa cara paling practical untuk menolong mereka ialah dengan menolong mereka mendapatkan tempat perlindungan dan memiliki rumah sendiri. Dalam hubungan ini adalah amat dikesali kerana Menteri Kewangan tidak menyebut di dalam Belanjawan bagaimana Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dapat menolong pen-carum-pencarumnya yang berpendapatan rendah memiliki rumah sendiri. Telah beberapa tahun pen-carum-pencarum K.W.S.P. yang berpendapatan rendah ber-harap-harap agar mereka dapat mengeluarkan wang simpanan mereka untuk digunakan sebagai bayaran pendahuluan atau deposit bagi pembelian rumah-rumah mereka. Adalah dikesali kerana sehingga sekarang Kerajaan tidak menyentuh permintaan ini. Dengan ini saya meminta Yang Berhormat Menteri Kewangan memberikan perhatian yang serious terhadap perkara ini dan mengambil langkah-langkah perlu untuk memastikan cita-cita dan harapan pekerja-pekerja itu termakbul.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perasaan keciwa adalah apabila membentangkan Belanjawan, Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak memikirkan langsung tentang kesusahan serta rasa keciwaan pemandu-pemandu awam terhadap duti petrol yang tinggi. Di masa ini lebih dari 60% wang yang dibayar oleh pemandu-pemandu awam terhadap satu gelen petrol pergi kepada Kerajaan sebagai cukai. Telah tiba masanya bagi Kerajaan untuk menyedari bahawa pe-milikan sebuah kereta hari ini bukanlah perkara mewah tetapi keperluan sebagai satu kenderaan. Memandangkan ini Kerajaan

patutlah menitikberatkan tentang keke-ciwaan pemandu-pemandu ini dan mengu-rangkan cukai ke atas petrol. Kenaikan ke atas cukai jualan bagi motorsikal adalah tidak adil, walaupun ianya kecil terutamanya kepada orang-orang miskin yang mengguna-kannya sebagai satu kenderaan. Kenaikan ke atas kereta-kereta perseorangan terutamanya yang mempunyai 1,600 c.c. adalah juga mengeciwakan. Pemandu-pemandu ini men-dapati terlalu mahal bagi mereka untuk me-nanggung perbelanjaan kereta memandangkan kenaikan harga petrol, kenaikan harga letak kereta dan lain-lain kenaikan seperti cukai jalan yang lebih membebaskan mereka. Bagaimanapun saya meminta Kerajaan cukai-cukai yang diperolehi dari pemandu-pemandu kereta yang tinggi itu di-salurkan kepada projek-projek menyediakan jalan-jalanraya yang lebih baik dan kemu-dahan-kemudahan kepada pemandu. Sehingga sekarang pemandu-pemandu kereta masih belum mendapat ganjaran yang adil dari cukai yang dibayarnya kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengumumkan rebate \$60 cukai pendapatan yang menyata-kan tentang usaha murah hati Kerajaan untuk menolong golongan pendapatan rendah sedangkan sebenarnya \$60 rebate itu adalah sangat kecil. Dan jumlahnya amat perlu untuk digandakan.

Tuan Yang di-Pertua, seseorang yang mendapat \$500 sebulan sekarang ini serta mempunyai seorang isteri dan hetong panjang ada tiga orang anak akan mendapati amat payah untuk menanggung perbelanjaan keluarganya. Terutama sekali apabila men-dapati bahawa inflasi dan taraf hidup ber-tambah tinggi daripada pemberian rebate \$60 ini beliau akan hanya mendapat \$5. Pada pandangan saya, tadi saya sudah kata, jika kita ingin pemberian rebate \$60 ini mem-beri makna, maka rebate ini perlu diganda-kan dan rebate untuk isteri yang tidak bekerja iaitu \$30 perlu digandakan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Belanjawan Menteri Kewangan menyatakan bahawa cukai pembangunan dilepaskan daripada petani-petani dan mereka yang berada di dalam sektor pertanian. Pada pandangan saya pelepasan begini patut meliputi penjaja-penjaja kecil dan peniaga-peniaga kecil yang merupakan golongan miskin di dalam bandar. Sekarang ini

peniaga-peniaga kecil dan penjaja-penjaja kecil di negara kita terutamanya yang menjalankan perniagaan di Kuala Lumpur di mana taraf hidup bertambah tinggi yang sering naik mereka terpaksa membayar cukai pembangunan di samping cukai pendapatan. Ini menimbulkan kepayahan kepada mereka yang mana perniagaannya telah mundur. Kerajaan patut memberikan pelepasan cukai kepada golongan penjaja-penjaja kecil dan peniaga-peniaga kecil ini.

Tuan Yang di-Pertua, kenaikan untuk duty excise bagi peti sejuk, cerek letrik, TV sets dan barang-barang letrik bagi kegunaan rumah adalah tidak adil. Kerajaan patut sedar bahawa barang-barang ini adalah amat perlu dalam penghidupan rakyat negara ini terutamanya di zaman kemajuan ini. Sungguhpun Belanjawan, 1977 tidak mengandungi cukai yang keras dan menyeksakan bagaimanapun orang-orang ramai mengambil berat terhadap kenyataan yang dibuat oleh Menteri Kewangan ketika membentangkan Belanjawan yang menyatakan kewangan Kerajaan dan pengukuran kewangan bukan sahaja dipandang di belanjawan tetapi juga diambil setiap masa di antara sidang Belanjawan. Ini memberi makna bahawa kemungkinan timbul bagi cadangan cukai-cukai baru sebelum tahun 1978 memandangkan kepada kebimbangan yang ujud ini adalah perlu bagi Menteri Kewangan kita untuk memberi satu jaminan kepada pembayar-pembayar cukai bahawa sebarang kenaikan cukai baru tidak akan dikenakan menjelang tahun hadapan iaitu Belanjawan tahun 1978.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Yang Berhormat Menteri Kewangan mengakhiri ucapan Belanjawannya beliau telah menyentuh tentang masalah-masalah sosial dan ekonomi yang dihadapi oleh negara kita dan bahawa kita harus mempunyai keazaman untuk mengatasi masalah-masalah tersebut dan juga cabaran-cabaran yang ada. Malahan Malaysia pada hari ini mengalami beberapa masalah dan cabaran yang akan menentukan survivalnya sebagai sebuah negara yang berbilang kaum, berbilang kebudayaan dan berbilang ugama. Untuk mengatasi masalah-masalah ini dengan berkesannya Kerajaan patut mengkaji semula dasarnya yang lepas dan juga dasarnya sekarang supaya dapat menentukan mengapakah sejak 19 tahun setelah merdeka kita masih belum lagi dapat membina sebuah

negara berbilang kaum yang bersatu-padu. Adalah mustahil bagi kita untuk membohongi diri kita kini adalah bersatu dan mewah dan rakyatnya bergembira dan puas hati. Di bawah apa yang dikatakan oleh Kerajaan yakni negara kita adalah bersatu-padu dan mewah terdapat masalah-masalah sebenarnya yang dihadapi oleh negara kita. Rasa tidak puas hati, masalah frustrasi, kurang keyakinan terhadap pimpinan negara dan lebih-lebih sekali polarisasi kaum. Sehingga pemimpin-pemimpin Kerajaan bersedia dan berani untuk mengambil stock tentang dasar-dasar pembinaan negara mereka dan juga sedia memperbaiki kesilapan yang dilakukan pada masa yang lampau, matlamat-matlamat pencapaian sebuah negara Malaysia yang bersatu-padu dan saksama akan menjadi satu dongengan sahaja dan bukan satu realiti.

Dalam pandangan saya, issue utama yang dihadapi oleh negara kita sekarang bukanlah cabaran dari pihak komunis, tetapi perkara samada kita dapat mengawal polarisasi kaum, rasuah, mengatasi masalah pengangguran dan memberi setiap rakyat kita tempat sewajarnya dalam masyarakat. Saya terpaksa menyebut di sini bahawa jawapan kepada cabaran-cabaran yang dihadapi berkenaan dengan keselamatan ialah untuk mengautkuasakan proses parliamentary democracy di negara kita. Kerajaan sebaliknya telah mengambil langkah-langkah yang retrogressive yang hanya akan mengikis lebih-lebih lagi hak-hak demokratik di negara kita.

Di sini ingin saya menyentuh kepada tahanan yang dibuat dengan sewenang-wenangnya terhadap saudara saya iaitu Ahli Parlimen bagi kawasan Batu Gajah dan saudara Chan Kok Kit adalah satu contoh baik tentang penyalahgunaan kuasa oleh Akta Keselamatan Dalam Negeri terhadap sesiapa sahaja yang menentang dasar-dasar Kerajaan. Parti D.A.P. mengutuk tahanan saudara-saudara saya itu dan nyata tidak adil dan arbitrary dan juga melanggar prinsip-prinsip demokrasi berparlimen. Sebagaimana saudara-saudara saya dari Kota Melaka telah berkata Kerajaan harus memberikan mereka satu perbicaraan umum yang adil jika sekiranya mereka telah melakukan kesalahan. Jika tidak, mereka patut dibebaskan dengan segera. Itulah sahaja yang saya ingin katakan dan ribuan terima kasih.

5.29 ptg.

Datuk Stephen Yong Kuet Tze (Padawan): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, I welcome this Budget because it is humane and reasonable. It has given relief to the lower income group and the pensioners. It is my hope, however, that with the increase in gross national product (G.N.P.) year by year as envisaged, more tax relief can be given to this group of people.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat tidak boleh sedikit-sedikit berucap dalam Bahasa Malaysia? Saya beri izin tetapi tidak bolehkah sedikit pun bercakap dalam Bahasa Malaysia?

Datuk Stephen Yong Kuet Tze: Ya, Tuan Yang di-Pertua, saya akan cuba. Looking at the figures from 1968

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Apa ini? Sila duduk! Saya memang izinkan tiap-tiap Ahli Yang Berhormat dari Sabah dan Sarawak masih boleh menggunakan bahasa Inggeris, tetapi kalau dapat, cuba juga berucap dalam Bahasa Malaysia. Yang Berhormat katakan "Ya" tetapi terus sahaja nampaknya. Belum sedia lagi? Baik, silalah.

Datuk Stephen Yong Kuet Tze: Tuan Yang di-Pertua, nampak dari figures dari tahun 1968 kita mendapat tahu revenue kita steady. Unfortunately, at the same time expenditure itu pun creeping up.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baiklah teruskan dalam bahasa Inggeris.

Datuk Stephen Yong Kuet Tze: Terima kasih. Particularly the expenditure on development seems to have a sharper rise as the years go by. Therefore the deficit is becoming bigger each year. As a developing country such development expenditure may be unavoidable but we must formulate plans and introduce measures whereby the gap between revenue and expenditure will become narrower rather than wider as is the case we have now. Whether the deficit will become smaller will depend on our economic growth. The Honourable Minister of Finance has stated that the export sector is expected to set the

pace for his economic expansion. Although the exports of manufactures are expected to go up by 20% next year, it is the export of our primary commodities that we have to count upon. Ever since the Colonial period, the prices for primary commodities have been subject to fluctuations and control by the developed industrialised countries. It is the reason why primary commodities producing countries always remain poor. It is heartening to see therefore that a conference had recently been held between the Third World and the rich industrialised nations with a view to stabilising prices for primary commodities and ensuring fair prices for them. As an interested party we must send our best men to this Conference and to make sure our national interest is protected and ensure some measure of success.

Tuan Yang di-Pertua, producers generally do not like the prices of the commodities one day go rocketing up and in the next few months come crashing down. They want a steady market and reasonable price. I think the Government should take positive steps whereby these can be achieved. In this connection, I would like to ask whether we have enough Trade Commissioners in all countries with whom we are trading or hope to trade? What facilities the Government are providing for them to carry out their jobs? Whether any action is taken upon their reports or are there follow ups? Then how good are these Trade Commissioners? Have we sent the right people to do the job?

Tuan Yang di-Pertua, in this connection I would like to put up a proposal of establishing a special Fund, which may be called the Primary Products Price Stabilising Fund. Let the Government work out the economic prices of each of our primary commodities such as pepper, rubber, cocoa, coffee, etc. When the world market price should exceed say 10% of the minimum economic price, then a surcharge of say, 30% to 50% may be imposed on the price in excess thereof. The surcharge payable by the exporters will then be accrued to this Fund. But when the price should fall below the economic price, then the Fund can be utilised to make up the difference. This will ensure a steady and stable rural economy.

Tuan yang di-Pertua, increased G.N.P. may not solve the social problem Unemployment underemployment are problems which

require our urgent attention. I have suggested and would like to bring up again the proposal to allocate to each State certain funds to form works brigades to build rural roads or clear the drains and waste land in towns. Unemployed youths, particularly young school leavers, may be recruited and paid nominal allowance. This may be a stop gap measure but will go some way of making them productive and useful and take them off the streets.

The next question is, have we utilised fully our human resources? I understand there were 15 civil engineers in Sarawak who could not get jobs in Malaysia and 4 of them have since been employed in Singapore. I am sure there are many qualified technicians and professional people still out of jobs. With all the billions of dollars to be spent on various projects and fat fees are being paid to consultants, why cannot these qualified people be taken on? Can we not make it a condition that the Consultants who are on any projects should take on some of these unemployed engineers?

I suggest that a bureau be set up in one of the Ministries to register all the qualified personnel and professional in all fields who are unemployed so that suitable jobs when vacancies occur can be offered to them.

With the comments above, I support the Bill.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

5.35 ptg.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana saya berpeluang untuk turut serta bersama dengan lain-lain Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan, 1977 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita.

Terlebih dahulu saya ingin menyentuh berkenaan dengan harta-harta kepunyaan Kerajaan. Harta-harta tersebut ialah seperti kereta-kereta, alat-alat perabot dan lain-lain lagi. Apa yang saya maksudkan di sini ialah mengenai penjagaan barang-barang tersebut. Adalah diperhatikan bahawa oleh kerana sikap tidak mahu mengambil berat terhadap harta-harta Kerajaan oleh kakitangan Kerajaan sendiri, maka harta-harta Kerajaan ini

tidaklah dijaga serta dikendalikan dengan baik terutama sekali tentang kenderaan. Cuba kita lihat sendiri akan keadaan kereta-kereta, lori-lori besar dan kecil serta motosikal kepunyaan Kerajaan yang berada di jalan-jalanraya, kebanyakannya berada di dalam keadaan yang terlalu teruk. Perkara-perkara ini terjadi hanyalah kerana sikap pemandu-pemandunya dan juga penggunaannya yang berfikir bahawa harta-harta tersebut bukan dia punya. Jadi, hentam sahaja-lah, dipandu dengan laju sesuka hati mereka. Penyalahgunaan ini berlanjutan kerana terdapat di antara kakitangan Kerajaan sendiri yang menggunakan kenderaan itu untuk kepentingan diri mereka sendiri. Adalah diharapkan Kerajaan akan bersikap lebih tegas lagi di dalam perkara ini dan tindakan hendaklah diambil terhadap siapa juga yang didapati melakukan penyalahgunaan ini. Berkenaan dengan kenderaan-kenderaan ini juga khususnya saya berpendapat bahawa penjagaannya adalah perkara yang utama kerana kenderaan ini digunakan oleh kakitangan Kerajaan sendiri dan juga orang awam iaitu seperti ambulance dan kereta-kereta polis dan lain-lainnya. Sungguhpun pada masa ini Jabatan Kerja Raya yang menjaga kesemuanya tentang enjin dan sebagainya tetapi oleh kerana terlalu banyak maka berlakulah kelewatan bagi pihak J.K.R. ini untuk mengendalikannya dan mungkin juga tidak dibuat dengan baiknya dan betul oleh kakitangan J.K.R. Jadi untuk mengelakkan beban kerja yang banyak terhadap pekerja-pekerja J.K.R. yang mengendalikan penjagaan kereta-kereta Kerajaan itu saya rasa hendaklah ditubuhkan yunit-yunit khususnya di tiap-tiap jabatan yang banyak menggunakan kenderaan supaya dapat kerja-kerja bagi menjaga mutu kenderaan-kenderaan ini dikendalikan sendiri oleh jabatan yang berkenaan. Jabatan yang utama sekali saya rasa patut mempunyai yunit penjagaan kenderaan ini ialah Hospital kerana kenderaan-kenderaan di hospital ini adalah untuk kegunaan orang awam terutama sekali dalam masa kecemasan. Jadi kalau hospital ada yunit ini maka tidaklah perlu bagi pihak hospital membuang masa pergi ke Jabatan Kerjaraya untuk membaiki kenderaannya.

Selain daripada itu untuk mengelakkan dari berlakunya penyelewengan terhadap harta-harta Kerajaan seperti alat-alat ganti rugi kenderaan maka barang-barang ini hendaklah diukir ke atasnya perkataan "Hak

Kerajaan" kerana dengan dibubuh cap "Hak Kerajaan" sahaja maka cap itu masih boleh ditanggalkan dengan senang. Perkara penyelesaian terhadap harta-harta Kerajaan ini mestilah diberi perhatian utama oleh pihak Kerajaan.

Seterusnya saya ingin menyentuh tentang peruntukan yang diberi oleh Kerajaan Pusat kepada Negeri Perak. Pada kali ini Kerajaan Negeri Perak mendapat \$309 juta untuk digunakan bagi berbagai projek pada tahun hadapan, tetapi dari pengalaman di tahun-tahun yang lepas amatlah mendukacitakan kerana Wakil-wakil Rakyat tidak diberitahu akan projek-projek yang akan ataupun sudah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Ini amatlah tidak baik kerana sebagai seorang Wakil Rakyat sepatutnyalah diberitahu akan apa juga perkara yang dijalankan, lebih-lebih lagi di dalam negerinya sendiri. Adalah diharapkan supaya di masa-masa yang akan datang Wakil-wakil Rakyat hendaklah juga diberitahu akan tiap-tiap projek dan sebagainya yang akan dijalankan dari peringkat Daerah sehinggalah ke peringkat Negeri. Saya juga berharap pada tahun 1977 ini lebih banyak kawasan-kawasan yang ketinggalan akan diberikan keutamaan oleh pihak Kerajaan Negeri kerana peruntukan yang diberi oleh Kerajaan Pusat ada banyak pada kali ini dan mustahil sekiranya tidak mencukupi. Itu adalah harapan saya dan juga pengundi-pengundi saya. Saya serta pengundi-pengundi saya mengharapkan demikian adalah kerana ada beberapa buah kampung itu dalam kawasan saya itu yang masih lagi dibiarkan walaupun kampung-kampung yang berhampiran dengannya telah lama mendapat kemudahan-kemudahan seperti bekalan elektrik dan air. Yang saya hairankan ialah kerana kejadian ini telah terjadi sejak dari kita mencapai kemerdekaan, dari seorang Menteri ke seorang Menteri yang baru, dari seorang Menteri Besar ke seorang Menteri Besar yang baru, dari seorang Wakil Rakyat ke seorang Wakil Rakyat yang baru, dari Rancangan Malaysia Pertama ke Rancangan Malaysia Ketiga dan sehinggalah kawasan saya itu diisytiharkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Sultan Perak sebagai sebuah daerah baru di dalam negeri Perak, iaitu daerah Perak Tengah tetapi keadaannya masih lagi seperti asal dahulu.

Kita tentu tidak suka mendengar bahawa rakyat berkata Kerajaan hanya pandai untuk bercakap sahaja tetapi tidak pandai melaksanakan cakupannya, lebih-lebih lagi lanjutan dari pekikan-pekikan Menteri-menteri dan lain-lain pemimpin Kerajaan hendak membandarkan kawasan-kawasan luar bandar. Dalam kawasan saya itu juga masih banyak lagi perkara-perkara yang mesti dilaksanakan dan juga diperbaiki. Satu daripadanya ialah sistem perairan ke sawah-sawah padi di sana. Ada beberapa buah kampung di dalam kawasan saya itu yang sistem taliairnya masih lagi tidak berapa baik, jadi di masa-masa tertentu petani-petani mendapati sukar untuk mendapatkan bekalan air yang cukup bagi dibekalkan ke sawah-sawah mereka. Saya harap pihak Kementerian Pertanian akan mengambil perhatian di dalam soal ini kerana bersawah padi adalah salah satu daripada mata pencarian utama penduduk kawasan saya.

Saya rasa sekarang sudah tibalah masanya Kerajaan menggalakkan pendirian kilang-kilang di kawasan luar bandar iaitu dalam usaha-usaha Kerajaan membandarkan kawasan luar bandar. Dengan berbuat demikian juga beberapa masaalah yang sedang kita hadapi sekarang ini akan dapat diatasi sedikit-sebanyak. Masaalah-masaalah tersebut ialah seperti pengangguran, penghijrahan, perumahan, kesesakan lalu lintas di bandar-bandar akan berkurangan dan lagi di kawasan-kawasan luar bandar terdapat banyak tempat yang boleh didirikan kilang-kilang.

Kepentingan pelajaran juga hendaklah diutamakan di kawasan luar bandar ini. Kemudahan-kemudahan pelajaran juga mestilah diberi jika tiada dan diperbaiki lagi jika telah ada tetapi tidak berapa memuaskan. Murid sekolah di kampung-kampung juga adalah sama kepandaianya dengan murid di bandar tetapi yang menjadi masaalah ialah kekurangan kemudahan, jadi tidak ramai daripada mereka yang berjaya menunjukkan kepandaianya. Masaalah yang mereka hadapi bukan sahaja dari segi kemudahan pelajaran bahkan adalah kerana kemiskinan. Lanjutan dari kemiskinan ini mereka tidak mendapat zat makanan yang cukup untuk kesihatan dan kecergasan otak berfikir. Dalam soal kemiskinan ini Jabatan

Kebajikan Masyarakat hendaklah memperluaskan lagi khidmatnya supaya dapat diketahui orang-orang yang benar-benar perlukan bantuan Kerjasama pihak sekolah adalah penting di dalam soal ini kerana mereka lebih mengetahui akan keadaan hidup murid-murid.

Di dalam usaha membandarkan kawasan luar bandar, masalah kesihatan juga tidak boleh diabaikan kerana bagi penduduk kampung kesihatan adalah matlamat utama mereka kerana mereka mencari nafkah hidup dengan memerah tenaga membanting tulang seharian. Jadi sekiranya mereka tidak sihat maka akan terjejaslah mata pencarian mereka untuk hari itu. Pusat-pusat Kesihatan Kecil di kampung-kampung hendaklah diperbaiki lagi perkhidmatannya dengan menambahkan lagi bilangan kakitangan serta doktor yang berkhidmat demi kepentingan kesihatan penduduk kampung.

Seterusnya, langkah Kerajaan menaikkan cukai ke atas barang-barang mewah seperti kereta, arak, rokok dan lain-lain itu adalah tepat sekali dan kena pada masanya, tetapi walaupun demikian yang mendukacitakan sedikit ialah berkenaan dengan cukai jalan yang dikenakan ke atas motosikal. Kita semua tahu bahawa motosikal adalah satu-satunya jenis kenderaan yang digunakan oleh golongan yang berpendapatan rendah dan juga oleh orang-orang di kampung-kampung. Bagi penduduk kampung mereka menggunakan motosikal untuk pergi menoreh getah, bersawah dan sebagainya, oleh kerana itu saya rasa cukai jalan ke atas motosikal tidak sepatutnya dinaikkan.

Selain daripada itu, cukai ke atas barang-barang letrik seperti TV dan lain-lain juga tidak patut dinaikkan kerana barang-barang seperti ini adalah digunakan oleh semua golongan masyarakat dari yang berpendapatan tinggi sehinggalah ke golongan berpendapatan rendah termasuk juga orang-orang di kampung-kampung. Bagi mereka yang berada di kampung-kampung hanyalah peti-peti TV dan radio sahaja yang menjadi hiburan mereka. Jadi apabila cukai ke atas barang-barang seperti ini dinaikkan maka tidaklah ramai dari mereka itu yang mampu membelinya.

Berkenaan dengan potongan sebanyak \$60 yang diberikan kepada pembayar-pembayar cukai pendapatan di negara ini sepatutnya

pemberian potongan sedemikian itu hendaklah diberikan dengan dihadkan kepada tanggaji seseorang.

Saya rasa hanya dengan cara demikian sahaja Kerajaan dapat menolong orang-orang yang berpendapatan rendah kerana \$60 itu nilainya amatlah besar kepada pembayar-pembayar cukai yang berpendapatan rendah, sebaliknya tidak akan berkesan kepada pembayar cukai yang berpendapatan tinggi. Begitulah juga dengan pemberian \$30 kepada isteri-isteri yang tidak bekerja.

Mengenai memperluaskan lagi pengenalan cukai 5% kepada tempat-tempat hiburan, saya berpendapat sepatutnya cukai 5% itu hendaklah dinaikkan lagi. Saya katakan demikian ialah kerana orang-orang yang mendatangi tempat-tempat hiburan itu semuanya banyak wang, jadi sudah tentu mereka mampu untuk membayar lebih. Dengan kenaikan cukai tersebut juga orang-orang yang hendak pergi ke tempat-tempat hiburan ini nanti akan berfikir dua kali dan secara tidak langsung akan menghilangkan keinginan mereka untuk pergi dan dengan itu akan berkurangan kejadian-kejadian yang tidak diinginkan berlaku.

Satu perkara lagi ialah berkenaan dengan rancangan TV khasnya Rancangan Tayangan Larut Malam. Memang sesuai rancangan ini dinamakan Tayangan Larut Malam tetapi waktu siarannya terlampau larut malam. Oleh kerana larut malam maka tiadalah peluang bagi kanak-kanak menyaksikan kerana pada waktu itu kanak-kanak sudah tidur. Kadangkala filem-filem yang ditayangkan dalam rancangan ini ada yang bercorak pelajaran seperti dalam bidang sejarah dan sastera. Oleh itu saya berharap kiranya waktu tayangannya dapat diubah kepada masa yang tidak begitu larut, umpamanya bermula pada pukul 10.00 malam.

Semasa saya masih memperkatakan perkara berkaitan dengan rancangan TV, saya rasa elok juga saya sentuh satu rancangan lain iaitu Hiburan Malam Minggu dan lain-lain rancangan yang bercorak hiburan. Rancangan hiburan ini memang baik, membuat kita gelak ketawa, tetapi dalam pada itu kita tidak sedar bahawa ada kata-kata yang lucah yang disebut oleh pelawak-pelawak kita walaupun berbentuk sendirian. Kadang-kadang sampai perkara-perkara yang tidak patut disebutkan pun terkeluar. Jadi, saya berharap kepada pihak TV khasnya

dan RTM supaya mensensasikan skrip pelawak-pelawak itu terlebih dahulu supaya tidak menyinggung perasaan penonton.

Rancangan yang seterusnya ialah Rancangan 30 minit. Rancangan ini bercorak dialog tetapi memberi banyak pengetahuan dan pelajaran. Kita juga dapat mengetahui beberapa perkara. Kita tidak tahu sebelum itu, setelah mendengar penerangan dari pihak tetamu yang diundang, walaupun masanya tidak begitu lama kadang-kadang tidak sempat tetamu undangan itu hendak menghabiskan hujah-hujah atau pendapatnya, pengerusi pun mengatakan: masa sudah cukup. Oleh itu saya berharap supaya rancangan itu ditambah masanya kepada 45 minit ataupun satu jam.

Satu perkara lagi ialah berkaitan dengan Lalulintas jalan. Sekarang kita telah menguasai penggunaan pemakaian topi keledar di setengah-setengah tempat. Pernah juga saya lihat ada yang tidak memakai topi keledar terutama orang yang menumpang di belakang tetapi sebaliknya memakai serban. Ini ialah untuk mengelakkan daripada ditangkap oleh polis. Pada hal yang menumpang itu bukannya seorang haji atau berbangsa Sikh. Ia memakai serban ini hanya untuk melepaskan sesaknya sahaja. Pernah juga saya lihat sendiri bibi atau wanita Benggali memakai serban. Apa tujuannya saya pun tidak tahu. Tetapi tidak lain dan tidak bukan ialah untuk mengelakkan dari ditahan oleh polis. Oleh yang demikian, saya berharap kepada pihak polis supaya memeriksa orang-orang yang berserban yang menjadi penumpang itu, kerana kalau terjadi sesuatu kemalangan, tidak tahulah apa yang akan jadi.

5.56 ptg.

Tuan Syed Hassan bin Syed Mohamed (Arau): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Perbekalan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada minggu yang lalu dan memberi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana Rang Undang-undang yang telah dibentangkan itu adalah merupakan satu Rang Undang-undang yang sederhana, adil, tidak membebankan golongan-golongan yang berpendapatan kecil serta tidak membebankan golongan-golongan yang tidak berkemampuan. Apa yang diharapkan ialah di dalam

melaksanakan Rang Undang-undang ini dalam tahun 1977, ketegasan dan kesempurnaan adalah didoakan.

Dalam menyentuh berkenaan dengan Rang Undang-undang itu, saya suka menarik perhatian di sini dalam beberapa perkara. Pertama, ialah berkenaan dengan penyalahgunaan dadah. Akta Penyalahgunaan Dadah yang telah diluluskan oleh Dewan ini, kes yang pertama telah berlaku di Perlis, iaitu di negeri yang saya wakili, di mana seorang anak muda yang berumur 26 tahun yang mempunyai isteri dan anak telah dijatuhkan hukuman seumur hidup dan sebat 12 rotan. Di dalam kes ini Tuan Hakim semasa mengulung telah menerangkan bahawa beliau tidak ragu-ragu untuk menghukum hukuman itu dengan lebih berat lagi iaitu hukuman bunuh. Tetapi oleh kerana tidak ada bukti-bukti yang menunjukkan orang yang telah dihukum itu benar-benar pengedar dadah, maka dengan sebab itulah hukuman itu direngankan dan tidak dibunuh malah dikenakan hukuman penjara seumur hidup dan sebat 12 rotan.

Di sini suka saya menarik perhatian Dewan ini. Di dalam kes ini yang mana kes yang pertama telah dibicarakan yang telah didapati seorang muda yang telah tidak dapat dibuktikan yang ianya adalah pengedar dadah, tetapi bolehlah kita fahamkan di sini kerana ianya adalah seorang petani biasa, seorang anak kampung biasa maka kita dapat faham daripada apa yang dikatakan oleh Tuan Hakim itu sesungguhnya orang yang telah dihukumkan ini bukanlah merupakan sebagai pengedar dadah tetapi sebagai ejen kepada pengedar-pengedar dadah. Kalau begitu di dalam masaalah ini masih ada lagi pengedar-pengedar dadah yang sebenar yang mendapat keuntungan lebih yang belum dihukum dan belum ditangkap. Apa yang telah menjadi korban di dalam hal ini ialah seorang muda yang menjadi ejen kepada pengedar dadah yang telah mendapat hukuman yang begitu berat pada hal kalaulah dia tidak ditangkap apa yang dia dapat daripada keuntungannya tidak lebih daripada \$100 atau kurang daripada itu iaitu upah membawa dadah ini. Oleh yang demikian, saya menggesa pihak-pihak yang berkenaan supaya lebih bergiat lagi untuk mengintip dan untuk menangkap pengedar-pengedar dadah yang sebenarnya supaya dapat perkara ini dihapuskan.

Saya memberi kepujian kepada pihak-pihak yang berkenaan di dalam perkara ini di dalam kita menghapuskan pengedar-pengedar dadah yang berbahaya ini dan penagih-penagih dadah, saya memberi kepujian di dalam masa kes yang telah dibicarakan di Perlis itu. Langkah yang telah diambil oleh pihak yang berkenaan adalah sangat patut dipuji iaitu di dalam masa perbicaraan dijalankan segala usaha-usaha yang begitu pesat telah dilakukan dan dengan usaha yang begitu pesat yang dilakukan itu telah mendapat kejayaan dengan jayanya sepertimana yang telah disiarkan oleh akhbar-akhbar baru-baru ini. Saya harap usaha ini bukan sahaja di dalam masa kes itu dijalankan, tetapi hendaklah usaha-usaha untuk menangkap pengedar-pengedar dadah itu dijalankan sepanjang masa, kerana dengan penangkapan-penangkapan dan hukuman-hukuman yang telah dijalankan itu boleh memberi kesan yang sangat besar kepada mengurangkan dan seterusnya menghilangkan langsung penyakit dadah yang ada hari ini sepertimana yang ternyata di dalam laporan kewangan anak-anak muda yang begitu kecil umurnya telah banyak menjadi penagih-penagih dadah. Tetapi di dalam Akta yang telah diluluskan penagih-penagih dadah ini tidak dikenakan apa-apa hukuman.

Pada pendapat saya sepatutnya penagih-penagih dadah ini juga patut dikenakan hukuman, iaitu manakala mereka telah ditangkap atau dihantar ke tempat-tempat pemulihan, maka kalau sekiranya tangkapan yang kedua itu dapat dilakukan maka mestilah dihukum penagih-penagih dadah ini, kerana apa yang berlaku di tempat saya penagih-penagih dadah yang telah dihantar ke tempat-tempat pemulihan manakala sudah sihat balik, mereka balik ke kampung mereka masing-masing, manakala mereka bertemu dengan kawan-kawan mereka penagih-penagih dadah maka penagih-penagih itu yang telah sihat dan baik itu akan menjadi penagih semula. Kalau sekiranya tidak dihukum maka ini akan berlarutan dan saya bimbang oleh kerana kebanyakan daripada penagih-penagih ini terdiri daripada anak-anak muda Melayu atau bumiputra yang umurnya di antara 18 hingga 25 tahun. Kalau sekiranya kita biarkan penagih-penagih ini bertambah banyak maka rancangan Kerajaan di dalam jangka panjangnya, iaitu di dalam masa 20 tahun untuk memberikan kekayaan Malaysia ini kepada

golongan bumiputra sekurangnya 30% daripada kekayaan negara ini tidak akan tercapai. Kenapa? Kerana sekiranya kita campur umur 18 tahun dengan 20 tahun dan umur 25 tahun dengan 20 tahun maka jadilah selepas daripada 20 tahun anak-anak muda ini akan menjadi umur di antara 38 dan 45 tahun. Kalau sekiranya selepas 20 tahun kebanyakan anak-anak muda yang terdiri daripada golongan bumiputra yang sekarang ini muda remaja setelah meningkat umur 38 tahun dan 45 tahun kesemuanya menjadi penagih-penagih dadah, maka apa yang diharapkan oleh Kerajaan untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan dan kekayaan 30% kekayaan tanah air kita ini tidak akan tercapai. Oleh yang demikian, untuk mengurangkan itu, sekali lagi saya tekankan maka patutlah penagih-penagih dadah itupun dikenakan hukuman.

Satu perkara lagi yang suka saya menarik perhatian di sini ialah berkenaan dengan pelajaran. Berhubung dengan pelajaran ini, saya akan menyentuh pelajaran agama. Selalu kita dengar di Dewan ini keluhan daripada Yang Berhormat Wakil-wakil Rakyat di dalam masa perbincangan pada masa-masa yang lalu selalu bersuara berkenaan dengan pelajaran agama. Maka saya ingin juga menyuarakan pelajaran agama kerana saya dapat pelajaran agama yang diajar di dalam sekolah-sekolah rendah dan sekolah-sekolah menengah kebangsaan dan jenis kebangsaan pada hari ini adalah merupakan sebagai satu pengajaran semata-mata, satu pelajaran agama bukan pendidikan. Yang pentingnya kita di dalam sekolah anak-anak itu kita mesti mendidik mereka dengan pendidikan agama, kerana pelajaran ini kalau sekiranya didapati selepas daripada mereka meninggal bangku pelajaran, akan hilang pelajaran itu, tetapi kalau sekiranya kita memberi pendidikan, maka pendidikan itu akan diamalkan dan berlanjutan, akan melahirkan satu golongan anak-anak muda yang sedar dan berpendidikan agama. Oleh yang demikian, untuk sampai kepada matlamat ini maka saya menggesa pihak yang berkenaan supaya jangan melengah-lengahkan lagi untuk menubuhkan Kolej Perguruan Agama di tanah air kita ini. Kerana kalau sekiranya kita melengah-lengahkan kolej untuk melahirkan guru-guru agama yang boleh mendidik anak-anak muda di dalam soal agama, maka selama itulah kita

tidak akan sampai kepada matlamat untuk mendidik anak-anak kita di dalam pendidikan agama.

Satu perkara lagi yang saya suka menggesa kerana kita telah lama mendengar yang Kementerian Pelajaran akan mengambil alih tugas berkenaan dengan guru-guru agama di sekolah-sekolah rendah yang sekarang ini menjadi tanggungjawab Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mengambil-alih diletakkan di bawah Kementerian Pelajaran. Hingga hari ini belum lagi dilaksanakan dan kita mendengar keluhan-keluhan bukan sahaja daripada guru-guru itu sendiri, tetapi dari ibubapa yang sangat suka supaya Kementerian Pelajaran mengambil alih dengan seberapa cepat yang boleh. Kenapa? Kerana kalau sekiranya Kementerian Pelajaran melambatkan untuk mengambil alih maka soal agama tidak akan dapat diperkemaskan. Pelajaran agama dan pendidikan agama tidak akan dapat diperkemaskan di dalam sekolah-sekolah, kerana lain negeri, lain caranya dan lain negeri, lain pula latihan perguruan yang diberikan kepada guru-guru agama itu. Kalau sekiranya perkara ini disegerakan maka sudah tentu dapat diselaraskan dan dapatlah Kementerian Pelajaran di dalam soal agama ini untuk membawa kemajuan supaya dapat melahirkan anak-anak muda yang betul-betul beragama dan berpendidikan agama.

Begitu juga berhubung dengan soal sekolah-sekolah agama yang selalu dipanggil sekolah-sekolah agama rakyat. Kita juga telah mendengar Kementerian Pelajaran akan mengambil alih sebuah sekolah agama bagi tiap-tiap negeri dan perkara ini pun tidak dilaksanakan hingga hari ini. Oleh yang demikian, saya menggesa Kementerian Pelajaran supaya mengambil alih dengan seberapa cepat yang boleh, kerana soal ini ialah ada kaitannya dengan melahirkan warganegara yang sihat di dalam satu negara yang bersatupadu, kerana sistem pelajaran kalau sekiranya berlainan di dalam satu-satu negeri itu, maka akan melahirkan anak-anak muda yang berlainan pendapat.

Sekarang di negeri kita ini terutama sekali di sekolah-sekolah menengah, kerana di dalam masa kanak-kanak di dalam sekolah-sekolah menengah itulah masa memenuhkan atau masa kita memberikan tunjuk ajar kepada mereka dan memenuhkan dada mereka dengan fahaman-fahaman dan pendidikan-pendidikan yang baik.

Kalau sekiranya berlainan sistem pelajaran atau pelajaran-pelajaran yang diajarkan kepada mereka, maka sudah tentu anak-anak ini manakala keluar daripada sekolah akan membawa haluan yang berlainan di antara satu sama lain. Sekarang ini di tanahair kita ini di dalam soal pelajaran menengah ada sekolah menengah Kerajaan, ada sekolah menengah Agama dan sekolah menengah Kerajaan itu ada pula jenis Kebangsaan dan ada pula Kebangsaan. Di dalam perkara ini kalau sekiranya pihak Kementerian Pelajaran dapat mengambil alih dengan seberapa cepatnya sekolah-sekolah Agama, maka dapatlah menyatukan khususnya orang-orang Melayu yang beragama Islam dapat disatukan dalam satu aliran dan tidaklah mereka bertaksub kepada pendidikan mereka masing-masing yang kemudiannya manakala mereka besar akan memberi kesan kepada perpecahan di dalam pendapat mereka. Oleh yang demikian, saya menggesa Kementerian Pelajaran supaya segera mengambil alih untuk melahirkan satu sistem pelajaran yang sama di dalam tanahair kita ini.

Saya beralih pula kepada perkara pertanian dan berhubung dengan pertanian ini saya khususkan ucapan saya kepada perkara-perkara yang berlaku di negeri saya iaitu negeri Perlis, khususnya di dalam kawasan yang saya wakili. Ucapan tahniah dan terima kasih kepada pihak Kerajaan yang telah berusaha dengan begitu pesat memberikan kemudahan-kemudahan kepada petani-petani khususnya mereka yang menanam padi dalam kawasan perairan MUDA. Kemudahan-kemudahan telah banyak diberikan kepada mereka yang mana dengan kemudahan-kemudahan itu sedikit-sebanyak telah dapat mengubah keadaan hidup mereka, daripada keadaan yang sesak kepada keadaan yang lega sedikit di masa itu, tetapi apa yang diharapkan daripada ini, iaitu kemudahan-kemudahan yang telah diberikan oleh Kerajaan itu telah menyebabkan petani-petani dapat menanam padi dua kali setahun. Sambutan daripada petani-petani sangat menggalakkan. Sekarang ini boleh dikatakan keseluruhan tanah-tanah yang di dalam perairan MUDA telah dapat ditanam dua kali setahun. Tetapi yang malangnya padi yang ditanam dua kali setahun itu di dalam musim yang pertamanya yang ditanam di dalam bulan 2 dan dipetik ataupun dituai di dalam bulan 7 dan 8 dan kadang-kadang itu

terlewat hingga bulan 9 dan 10. Musim pertama ini menyebabkan petani-petani menghadapi kerugian yang banyak kerana di dalam masa mereka menuai padi itu hujan pun turun. Dan manakala hujan turun banjir berlaku. Dan manakala berlaku banjir musnahlah segala padi-padi yang diperolehi oleh petani-petani tadi. Seorang petani kadang-kadang berpuluh-puluh gundi padi telah rosak yang masak dan yang dituai itu tidak dapat digunakan langsung, alangkah ruginya kepada petani dan ruginya kepada negara di dalam masalah ini. Pada tahun ini banjir agak besar juga di Perlis memusnahkan banyak hasil-hasil pertanian dan bukan sahaja hasil-hasil pertanian itu kepunyaan petani-petani tetapi Lembaga Padi dan Beras sendiri telah menghadapi kerugian yang beratus-ratus ribu ringgit harganya.

Oleh yang demikian, saya suka menarik perhatian kepada pihak yang berkenaan di dalam perkara ini supaya mengatasi perkara ini, kerana saya bimbang kalaulah keadaan ini berlanjutan dari setahun ke setahun, kerana hujan ini mesti turun juga iaitu tiap-tiap tahun mesti turun di dalam bulan 9 dan 10 di Perlis dan di Kedah itu mesti dia turun juga. Kalau tidak di atasi tentu tahun depan akan berulang perkara ini, tahun depan lagi juga akan berulang juga perkara ini. Kalau berulang demi setahun ke setahun saya bimbang petani-petani akan bosan atau jemu untuk berusaha mendapat padi, manakala mereka segan berusaha di dalam musim yang pertama itu, maka kerugiannya adalah besar kepada mereka dan juga kepada negara.

Oleh yang demikian, saya menggesa pihak-pihak yang berkenaan supaya menyegerakan bagi menyempurnakan parit-parit buang iaitu parit-parit membuang air di masa musim hujan. Sekarang ini pihak yang berkenaan semata-mata memikirkan bagaimana hendak menyampaikan air kepada petani-petani. Air sudah sampai kepada petani-petani tetapi tidak memikirkan bagaimana hendak buang air manakala hujan turun. Parit-parit buang itu tidak ada, tidak banyak. Maka inilah yang menyebabkan banjir berlaku dengan begitu besar.

Yang kedua, saya menggesa supaya mengadakan alat-alat menuai padi di dalam musim padi. Sekarang ini alat-alat menuai itu dengan mesin tidak begitu menyeluruh dan berkehendakkan kepada buruh-buruh untuk mengambil padi dan padi ini manakala

dia masak, masak sekali kalau masa hendak tanam itu betul boleh panjang masanya tetapi manakala dia masak, masak sekali. Jadi dengan itu menjadi susah untuk mendapatkan buruh-buruh untuk menuai padi kalau begitu mestilah di dalam masalah ini berkehendakkan kepada alat-alat atau jentera-jentera menuai padi yang sesuai. Di dalam masalah ini saya menggesa supaya menyegerakan untuk mendapatkan alat-alat ini dan memberikan kemudahan-kemudahan alat itu kepada petani-petani untuk menuai padi khususnya di dalam musim pertama iaitu musim hujan begitu juga berhubung dengan alat-alat pengering. Saya tidak menafikan usaha-usaha pihak yang berkenaan dalam perkara ini telah mengadakan alat-alat pengering tetapi masih belum mencukupi untuk mengeringkan padi-padi yang telah dituai di dalam musim yang pertama itu. Itulah gesaan saya di dalam perkara berkenaan dengan pertanian.

Saya beralih pula pandangan saya berkenaan dengan tanah. Menyentuh berkenaan dengan tanah ini setengah-setengah negeri sumber untuk mendapatkan kewangan negeri adalah kebanyakannya daripada hasil tanah, khususnya negeri Perlis. Negeri Perlis ini kekayaannya tidak ada, tetapi pendapatan yang banyak ialah daripada hasil tanah yang menjadi sumber perbendaharaan negeri. Di dalam masalah ini saya dapati Kanun Tanah Negara ada kelemahan untuk membolehkan, mendapatkan hasil-hasil tanah kepada negeri. Yang pertamanya ialah berkenaan dengan geran berangkai iaitu satu geran yang dipunyai oleh banyak orang iaitu pemiliknyanya. Geran berangkai ini banyak dimiliki terutama petani-petani dan pemilik-pemilik tanah di tempat saya. Dengan adanya geran berangkai ini menyebabkan tuan-tuan tanah itu tidak dapat membayar cukai hasil tanah kerana diisyaratkan mesti kesemua sekali pergi ke Pejabat Tanah untuk membayar, dia tidak terima pembayaran seorang-seorang. Dengan sebab itu kalau sekiranya di antara satu dengan lain yang memiliki tanah dalam satu geran itu berbalah atau bergaduh maka mereka tidak akan membayar cukai tanah itu. Jadi hasil itu bertapak-tapak setahun lepas setahun dengan tidak dibayar. Ini menyebabkan kekurangan pendapatan kepada hasil tanah Kerajaan Negeri. Alangkah baiknya kalau dapat bagi pihak yang berkenaan mencari jalan untuk mengatasi perkara ini.

Saya biasa mendengar orang berkata sebabnya yang menjadikan demikian yang salahnya ialah salah ugama Islam kerana ugama Islam di dalam pemberian pusaka membolehkan tanah ini untuk diberi kepada waris-waris itu mengikut kadar masing-masing. Di sini saya membela Islam kerana saya dapati Islam tidak memestikan mereka yang mewarisi khususnya tanah supaya dipecah-pecah ataupun dibahagi-bahagikan kepada waris-waris itu. Apa yang terdapat dalam hukum Islam ialah angka-angka $\frac{1}{2}$; $\frac{1}{3}$; $\frac{1}{4}$; $\frac{1}{6}$; $\frac{1}{8}$ sahaja. Tetapi dia tidak memestikan supaya warisan itu kalau sekiranya tanah, dipecah ataupun dibahagikan. Maka dalam masaalah ini saya berpendapat boleh diatasi dan tidak payah disalahkan kepada ugama Islam kerana ugama Islam suci tidak dapat disalah dalam perkara ini. Dan boleh diadakan undang-undang kalau sekiranya tanah yang diwarisi itu tidak ekonomik dan memecahkan hak pemilik di dalam satu-satu tanah itu, dengan ini boleh diadakan syarat ataupun undang-undang yang memberi harga dan dinilai harga tanah itu, kemudian diberikan kepada satu-satu orang sahaja. Ini satu daripada perkara-perkara yang saya nampak menyulitkan pentadbiran tanah dan mengurangkan hasil tanah di dalam negeri.

Satu lagi berkenaan dengan tanah juga ia itu tanah-tanah yang dipunyai oleh orang-orang Melayu di dalam lengkungan rizab Melayu yang mana tuan-tuan tanah itu telah keluar meninggalkan tanahair kita ini menetap di negeri-negeri lain seperti Thailand, Indonesia, Mekah dan sebagainya.

Mengikut Undang-undang Kanun Tanah Negara sekarang ini mengalihkan milik ataupun mengubah milik tidak boleh dilakukan kepada tanah-tanah dalam lengkungan Melayu melainkan di hadapan Pesuruhjaya Tanah. Mereka yang memiliki tanah ini telah menetap di negeri-negeri luar, pada hal mereka itu ingin menjual tanah itu kepada mereka yang ada dalam negeri ini. Tetapi oleh kerana syarat yang terkandung di dalam Undang-undang Kanun Tanah Negara itu memestikan mereka datang berhadapan dengan Pesuruhjaya Tanah dan Galian maka ini telah mengganggukan jual-beli yang sepatutnya dapat diselesaikan. Oleh yang demikian, saya berharap pihak yang berkenaan dalam perkara ini supaya dapat menyelesaikan dan dengan penyelesaian ini dapat mencari jalan supaya menyelesaikan

kelemahan-kelemahan undang-undang ataupun Kanun Tanah Negara supaya dapat menyelesaikan perkara yang tidak dapat diselesaikan.

Di dalam pengetahuan saya di Perlis sahaja tidak kurang daripada 10 kes yang ada di dalam masaalah ini, yang pemilik-pemilik tanah itu tinggal di Negeri Thailand, Indonesia dan Mekah tidak kurang dari 10 kes yang tidak dapat diselesaikan. Itulah saya harap dalam perkara tanah dan galian.

Menyentuh berkenaan dengan Bahagian Ugama di dalam Jabatan Perdana Menteri, saya mengucapkan terima kasih dan syabas kepada peruntukan yang telah diberikan yang mana seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri baru-baru ini di dalam menjawab soalan yang telah dikemukakan, sebanyak \$5 juta telah diperuntukkan bagi rancangan ugama dalam Jabatan Perdana Menteri, dan kebanyakan peruntukan itu akan dihabiskan di dalam Wilayah Persekutuan. Apa yang saya harapkan di dalam perkara ini, oleh kerana peruntukan yang begitu banyak yang telah diberikan, saya harap Wilayah Persekutuan ini akan menjadi satu wilayah contoh kepada negeri-negeri yang lain di dalam perkembangan ugama Islam supaya kalau sekiranya betul-betul dijalankan dan dapat dilaksanakan betul-betul mengikut kehendak ugama Islam yang maha suci dapat melahirkan ahli-ahli ugama dan penganut-penganut ugama Islam yang betul-betul berpegang kepada ajaran ugama Islam dengan pentadbiran yang kemas dan teratur maka sudah tentu dapat melahirkan satu contoh yang boleh dicontohi oleh negeri-negeri yang lain.

Itulah saya harapkan kepada Bahagian Ugama di Jabatan Perdana Menteri. Begitu juga saya memberi pujian kepada Bahagian Ugama di Jabatan Perdana Menteri yang telah mengeluarkan risalah-risalah yang begitu berguna serta patut ditatapi oleh penganut-penganut ugama Islam dan juga yang bukan penganut-penganut Islam supaya mereka dapat mengetahui hakikat Islam yang sebenarnya. Oleh yang demikian saya berharap di dalam perkara ini Bahagian Ugama di Jabatan Perdana Menteri patutlah membanyakkan lagi risalah-risalah yang demikian itu, mengeluarkan risalah-risalah itu dan menyebarkan risalah itu keseluruh negara ini dengan banyaknya. Risalah-risalah

yang telah dikeluarkan itu dapat melahirkan satu hakikat apakah dia agama yang menjadi agama rasmi negara dan bagaimanakah penganut-penganut agama Islam dapat memahami dengan sebenarnya serta dapat mengamalkan ajaran agama Islam yang maha suci itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat sudah bercakap selama 33 minit. Panjang lagikah ucapannya?

Tuan Syed Hassan bin Syed Mohamed: Ada seminit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Tempoh sudah cukup, jadi setakat itu memadai. Kalau seminit hendak sambung esok nampaknya tidak ada makna, masa sudah cukup, saya terpaksa menangguhkan Dewan.

Tuan Syed Hassan bin Syed Mohamed: Jadi, saya tidak akan sambung. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok, Jumaat, 5hb November, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.